

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DI mana-mana sahaja, kaum belia adalah menjadi kebanggaan negara. Mereka adalah golongan yang dianggap mampu mencorakkan masa depan serta juga selaku penerus kesinambungan cita-cita bangsa." - Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada 7 Rejab 1427 / 1 Ogos 2006.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان  
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang membazir membelanjakannya harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa', ayat 27).

Waktu Sembahyang

IMSYAK	SUBUH	SYURUK	DHUHA	ZUHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 48

22 APRIL 2017 / 1438 رجب 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta Pembukaan Gendang Jaga-Jaga pada 28 September 2017

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 April. - Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta akan bermula dengan Pembukaan Gendang Jaga-Jaga pada 28 September 2017 sebagai menandakan bermulanya sambutan tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta bersabda tarikh pembukaan dan penutup gendang jaga-jaga akan berlangsung pada hari Khamis 28 September 2017 sehingga hari Khamis 12 Oktober 2017.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Bangunan JPM.



## Sumbangan dana masjid bagi warga Perkhidmatan Awam bukan mandatori

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 April. - Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala dari membina masjid, di samping memberi peluang

keemasan kepada setiap orang Islam untuk menanam saham di akhirat.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui bilangan 10/2017 bertarikh 29 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan

28 Mac 2017 Masihi memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan sokongan Majlis Ugama Islam Brunei bagi penetapan pemotongan gaji sebanyak BND2.00 secara automatik daripada setiap warga Perkhidmatan Awam untuk disumbangkan ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.



Muka 5

RESEPSI Ulang Tahun Puja Usia Baginda Queen Elizabeth Kedua



Muka 6

SERAMAI 126 terima pingat P.K.L.

Ke muka 10

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

# Pelaburan Hengyi Industries menyumbang pembangunan tapak industri PMB

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**P**ERTAMA sekali, terima kasih kepada penganjur majlis ini kerana menjemput saya ke acara ini; Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan, di antara Hengyi Industries Sdn Bhd ; Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri; dan Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei.

Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan ini merupakan peristiwa penting bagi Brunei Darussalam iaitu objektif yang berterusan ke arah persekitaran yang lebih kondusif dan pro-perniagaan. Oleh itu, saya gembira untuk menyertai rakan-rakan ahli-ahli Jawatankuasa Induk Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran; serta Puan Yang Terutama, Duta Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Kompleks Kilang Penapisan Minyak Mentah dan Aromatics Cracker Hengyi Industries Sdn di Pulau Muara Besar (PMB), merupakan pelaburan asing tunggal terbesar negara ini yang dilihat sejak tahun-tahun kebelakangan ini, meningkatkan keyakinan mengenai aspek pembangunan dan peluang projek sebagai satu usaha untuk Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya.

Ini adalah bukti daya tarikan Negara Brunei Darussalam kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang berbilang, sebagai salah satu destinasi pelaburan langsung asing teratas. Tambahan pula, kejayaan kerjasama syarikat usaha sama di antara Modal Pembangunan Strategik, di bawah Tabung Dana Kemampanan (sustainability Fund) Kementerian Kewangan dan Zhejiang Hengyi Petrokimia, menonjolkan hubungan yang kuat dan baik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Selain menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat Brunei, syarikat ini dijangka akan menjana faedah sampingan perniagaan kepada syarikat tempatan termasuk Peniaga Kecil dan Sederhana (PKS). Perasmian Perjanjian Pelaksanaan tersebut adalah penting, kerana ia menggariskan, antara lain, komitmen Hengyi Industries terhadap peraturan dan keperluan pematuhan, dan sumbangannya kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Saya juga berbesar hati untuk berkongsi komitmen Hengyi Industries untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Brunei di pelbagai peringkat.

Pada peringkat pelaksanaan, terdapat sejumlah 5,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang pembinaan. Dalam fasa pertama sahaja, Hengyi Industries dijangka akan menawarkan 971 peluang pekerjaan, di mana 40% akan dibuka kepada penduduk



UCAPAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan bagi Projek Kilang Penapisan Minyak dan Aromatik bersepadu Hengyi Industries Sdn. Bhd. berlangsung pada Isnin, 28 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 27 Mac 2017 Masihi, di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

**'PELABURAN Hengyi Industries juga akan menyumbang kepada pembangunan Pulau Muara Besar sebagai tapak industri, yang mampu menampung lebih banyak projek dan aktiviti, termasuk pembinaan dan logistik, keselamatan dan perkhidmatan penyelenggaraan.'**

tempatan, dari tahun pertama operasi. Setakat ini, Hengyi Industries telah mempunyai 120 tenaga kerja yang kuat, iaitu 62% yang terdiri daripada penduduk tempatan.

Tambahan pula, untuk memastikan 40% keperluan tempatan pada tahun pertama operasi Hengyi Industries dengan bantuan Kementerian Pendidikan, melalui Universiti Brunei Darussalam, telah berjaya melaksanakan program biasiswa yang telah mengambil pelajar dari UBD untuk belajar di Universiti Zhejiang di Republik Rakyat China, yang merangkumi pengalaman industri dalam loji petrokimia. Seramai 13 sarjana dari kohort pertama telah menyertai Hengyi Industries sebagai pekerja dan seramai 30 sarjana daripada kohort kedua dan ketiga sedang menjalani latihan mereka dalam operasi Hengyi di Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China. Pada 14 Februari 2017, 14 lagi pelajar telah menandatangani untuk menyertai program biasiswa ini.

Pelaburan Hengyi Industries juga akan menyumbang kepada pembangunan Pulau Muara Besar sebagai tapak industri, yang mampu menampung lebih banyak projek dan aktiviti, termasuk pembinaan dan logistik, keselamatan dan perkhidmatan penyelenggaraan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memudahkan perkembangan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memulakan pembinaan jambatan empat lorong laut lintasan, yang akan menghubungkan tanah besar dengan Pulau Muara Besar sepanjang kira-kira 2.7km. Untuk memudahkan pergerakan kakitangan serta menyediakan perkhidmatan yang penting dan utiliti ke pulau itu.

Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan hari ini, adalah hasil dari kejayaan beberapa perbincangan dan rundingan persefahaman antara pihak-pihak yang menandatangani. Dengan sikap saling percayai dan hormat, saya yakin keputusan Hengyi Industries memilih Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelaburan mereka, akan berjaya kerana kita saling bekerja bersama dengan bersungguh-sungguh untuk memenuhi objektif syarikat dan juga aspirasi negara, Insya Allah.

Sebagai penutup, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Tindakan dan Sokongan FDI, Darussalam Enterprise, Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei, dan semua agensi kerajaan atas bantuan yang mereka berikan kepada Hengyi Industries, untuk memastikan pelaburan mereka di Negara Brunei Darussalam berjaya.

Dari Sidang  
Pengarang.

22 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 25

ROKOK MEMUDARATKAN KESIHATAN

**P**ENGGUNAAN rokok atau merokok adalah salah satu penyebab kepada berlakunya penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis, strok dan tekanan darah tinggi. Penyakit-penyakit seumpama ini merupakan lima penyakit utama kematian di negara ini di mana kanser paru-paru adalah kanser tertinggi di Negara Brunei Darussalam dan merokok adalah penyebab utama kepada kanser paru-paru.

Oleh yang demikian, agama Islam sangat mementingkan kemaslahatan dan menolak sesuatu yang membawa kepada kemudatan. Oleh itu, Islam telah meletakkan beberapa prinsip umum antaranya melarang umatnya daripada melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan atau merosakkan kesihatan dan tabiat merokok adalah sesuatu perkara yang boleh memudaratkan dan merosakkan kesihatan.

Hasil kajian pakar perubatan Islam dan bukan Islam telah menemui hasil kajian yang sama bahawa rokok membahayakan kesihatan kerana setiap hisapan yang dilakukan oleh perokok sebenarnya dia menyedut 4,000 bahan kimia (kandungan dalam rokok).

Oleh yang demikian, agama Islam melarang keras umatnya melakukan apa jua perkara yang membinasakan diri, termasuklah rokok, yang mana berdasarkan pengesahan pakar bahawa rokok itu membahayakan dan membinasakan serta jelas perbuatan merokok itu melakukan pembaziran, maka melakukan yang membahayakan dan pembaziran adalah haram dari hukum syarak.

Pengharaman rokok ini adalah disebabkan merokok boleh membawa maut, apabila nikotin yang terdapat dalam tembakau atau rokok menyebabkan ketagihan, sementara tabiat merokok akan menyebabkan pelbagai jenis penyakit seperti lelah, barah paru-paru, kerosakan saluran darah serta penyebab kepada pelbagai jenis penyakit barah.

Di samping itu, kegelisahan dan kekhawatiran segelintir masyarakat mengenai rokok adalah disebabkan ancamannya yang berbahaya terhadap kesihatan manusia yang mana ancaman ini bukan saja terhad kepada perokok aktif tetapi juga menular kepada orang yang tidak merokok.

Justeru itu, berbagai-bagai usaha perlu dilipatgandakan agar kesedaran awam tentang bahaya rokok ke atas kesihatan dititikberatkan. Usaha-usaha tersebut adalah dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran bahaya rokok, menerusi ceramah-ceramah atau iklan-iklan yang boleh membarigakan tentang bahaya serta kesan merokok kepada kesihatan dan juga menyatakan faedah bagi orang yang tidak merokok. Selain itu, bagi individu yang aktif bersukan selalunya menitikberatkan kesihatan tubuh badan dan menghindari tabiat yang boleh merosakkan diri mereka seperti merokok.

Oleh itu, bagi memastikan Negara Brunei Darussalam bebas dari asap rokok dan serta merealisasikan hasrat kerajaan dalam membendung gejala dan tabiat buruk rokok, semua peringkat masyarakat diseru untuk sama-sama memastikan persekitaran bersih dari ancaman asap rokok, iaitu melalui usaha membudayakan tabiat tidak merokok sebagai amalan cara hidup yang sihat.  
- Ketua Penyuntingan (Rd)

Ramanian Cawas 3 Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
33°C	26°C	33°C
33°C	26°C	33°C
32°C	25°C	32°C
32°C	25°C	32°C
32°C	26°C	31°C
32°C	26°C	31°C
32°C	26°C	31°C
32°C	26°C	33°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi APRIL	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	25	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	AHAD	26	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	ISNIN	27	4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37
25	SELASA	28	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	RABU	29	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
27	KHAMIS	30	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	JUMAAT	1 SYAABAN	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991	AMBULANS 993	POLIS 995	BOMBA 998	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
----------------------	--------------	-----------	-----------	----------------	---	-----------------

## Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta Pembukaan Gendang Jaga-Jaga pada 28 September 2017



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Bangunan JPM. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

### Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa berangkat menghadiri Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pagi tadi bertempat di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

DYTM dalam sabdanya menyentuh

titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan agar apa jua acara-acara bagi Sambutan Jubli Emas baginda menaiki takhta hendaklah dicadangkan dan dirancang dengan teliti dan perlu mempunyai nilai sejarah yang mana orang ramai akan ghairah untuk bersama-sama menyaksikan atau menyertai serta dihargai dan bukannya dinilai daripada banyaknya

jumlah acara yang dirancang.

DYTM juga percaya setiap jawatankuasa sektoral sedang giat berusaha mengendalikan rancangan serta menyusun acara-acara dengan mengambil kira beberapa perkara.

"Jawatankuasa-jawatankuasa sektoral hendaklah sentiasa dipandu oleh titah paduka ayahanda yang menekankan aspek kesederhanaan dan sifat sambutan sebagai petanda bagi segala rakyat. Komitmen serta dedikasi yang diberikan akan terus berkekalan, lebih-lebih lagi pada peringkat pelaksanaannya nanti, ke arah memastikan setiap perancangan berjalan dengan lancar dan sempurna.

Semangat permuzakarahannya serta penyelarasan yang berterusan antara jawatankuasa-jawatankuasa sektoral berkaitan dengan pihak-pihak yang berkepentingan lainnya adalah mustahak. Sambutan Jubli Emas diharapkan memberikan impak besar dalam menjana serta menggiatkan aktiviti perekonomian yang mampan.

"Mengenai dengan pataratra diraja untuk dibuat baru sahaja dengan reka bentuk yang moden dan bersesuaian, iaitu tidak terlalu besar (praktikal), tidak terlalu tinggi dan simple, di mana reka bentuk yang tidak bersesuaian perlu dielakkan serta yang paling penting, reka bentuk berkenaan tidak menyalahi dan bercanggah dengan agama Islam," sabda DYTM.

Paduka ayahanda tambah sabda DYTM, turut menekankan untuk berjimat cermat dalam membuat dan mereka pataratra berkenaan.

DYTM seterusnya bersabda mengenai dengan laluan perarakan Sambutan Jubli Emas untuk bermula dan berakhir di hadapan Balai Bomba Bandar Seri Begawan sahaja seperti perarakan jubli perak.

Paduka ayahanda sabda DYTM, seterusnya bertitah bahawa apa yang penting ialah perarakan itu sendiri kerana ianya adalah acara yang valid daripada acara sambutan paduka ayahanda dan penglibatan dan aktiviti orang ramai yang dapat ikut serta dan mengiringinya.

"Mengenai dengan cadangan membina dewan besar kekal. Paduka ayahanda bertitah ia merupakan cadangan yang baik tetapi dalam keadaan ekonomi semasa dan keperluan untuk berjimat cermat, cadangan untuk membina boleh difikirkan di kemudian hari.

Projek-projek yang dilaksanakan biarlah yang mendatangkan faedah kepada orang ramai seperti Pasar Gadong dan Kianggeh. Jika dewan dibina, ia memerlukan peruntukan yang tinggi untuk membina dan juga peruntukan bagi *maintenance cost*.

Pada masa ini, Bangunan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sudah mempunyai reka bentuk yang indah dan percaya orang ramai yang melawatnya nanti akan merasa kagum," DYTM menambah sabda.

Sebagai kesimpulan melalui titah-titah paduka ayahanda sabda DYTM, dalam merancang Sambutan Jubli Emas paduka ayahanda ini, acara-acara perlulah bersifat sederhana, simple serta mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebagai tarikan kepada orang ramai.

Dalam perkara yang berkaitan, paduka ayahanda juga memperkenankan supaya potret wajah paduka bonda menghiasi pintu-pintu gerbang di semua daerah bersebelahan potret paduka ayahanda.

DYTM menjunjung tinggi segala titah-titah paduka ayahanda tersebut sebagai panduan hala tuju pelaksanaan acara-acara dan aktiviti-aktiviti sambutan.

Justeru itu, DYTM menekankan supaya jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan untuk memberikan perhatian yang khusus mengenai dan mengambil tindakan yang perlu terhadap perkara-perkara dalam titah paduka ayahanda tadi.

DYTM seterusnya berharap agar perbincangan pada hari ini akan dapat mencetuskan pemikiran bernas dan berupaya memudah cara serta mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan acara-acara sambutan selaras dengan hasrat untuk melihat kesempurnaan dan kewalihan acara yang direncanakan ini.



SEBAHAGIAN Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang turut hadir pada Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (atas, bawah dan bawah kanan).



# Berangkat ke Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Menaiki Takhta

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Bangunan JPM, Jalan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas, dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.

Turut menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohammad Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Taha.

Mesyuarat diadului dengan Doa Selamat



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Bangunan JPM. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.**

yang dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Mesyuarat diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya berkenan mengurniakan sabda.

Pada mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi kali ini, Pengerusi-Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Sektor Sektor Sambutan Jubli Emas telah menyempahkan taklimat laporan perkembangan terkini

mengenai persediaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Antara perkara utama yang dilaporkan ialah acara kemuncak sambutan, iaitu Upacara Perarakan Diraja sebagaimana juga yang telah dikendalikan semasa Sambutan Jubli Perak pada tahun 1992.

Perbincangan pada mesyuarat tersebut menunjukkan perkembangan yang positif dalam persediaan keperluan-keperluan sambutan dan mencerminkan komitmen yang berterusan daripada Jawatankuasa-Jawatankuasa Sektor ke arah memastikan Sambutan Jubli Emas dilaksanakan dengan sempurna nanti.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di Bangunan JPM.**



**SEBAHAGIAN** Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang turut hadir pada Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (atas kiri, atas dan kanan).

# Resepsi Ulang Tahun Puja Usia Baginda Queen Elizabeth Kedua

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 April. - Suruhanjaya Tinggi British telah mengadakan Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Kedua yang Ke-91 berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah dan Pengiran Datin Hajah Noorsiah binti Pengiran Hamdan.

Atur cara majlis dimulakan dengan nyanyian koir Lagu Kebangsaan kedua-ke dua buah negara.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell dalam ucapannya menjelaskan, sambutan resepsi sempena Ulang

Tahun Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Kedua yang Ke-91 bertemakan hutan dan bagaimana ia menghubungkan United Kingdom dan Brunei Darussalam di samping Komanwel yang lebih meluas.

Tuan Yang Terutama dalam ucapannya menyentuh, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyambut ulang tahun ke-55 pada tahun lepas di mana Angkatan Tentera British merasa bangga kerana telah berkhidmat secara berterusan bersama ABDB dalam tempoh 55 tahun itu.

"Mereka kerap mengadakan latihan

bersama dan menjalankan tugas-tugas penglibatan pertahanan di rantau Asia Pasifik," ujarnya.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam memotong kek diikuti dengan penyerahan cenderamata oleh Tuan Yang Terutama kepada tetamu kehormat.

Selain itu, fotografi imej Queen's Commonwealth Canopy (QCC) juga dipamerkan pada majlis tersebut yang disediakan oleh jurugambar Bud

Chapman, Stephen Hogg dan jurugambar tempatan Dilshan Mahdi Hussainmiya.

QCC adalah projek yang direka bagi mewujudkan satu rangkaian inisiatif pemuliharaan hutan di seluruh 52 negara-negara Komanwel untuk menandakan perkhidmatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Kedua sebagai Ketua Komanwel.

Di samping itu, dua lukisan hutan Brunei turut dipamerkan bagi memperingati masa kini dan lalu.



MAJLIS Malam Resepsi Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Kedua yang Ke-91 berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah dan Datin bersama Pesuruhjaya Tinggi British semasa memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth Kedua.

## BruYork anjur Ceramah Motivasi



AHLI-AHLI panel forum motivasi tahunan terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Awang Muskrisman Safari bin Haji Mustapha dan Awang Muhammad Ayyub bin Haji Kamaluddin.

**NORTH YORKSHIRE, UNITED KINGDOM**, Rabu, 19 April. - Seramai 30 pelajar Brunei dari seluruh United Kingdom telah menghadiri forum motivasi tahunan yang diadakan oleh Brunei-York Society yang juga dikenali sebagai BruYork yang diadakan baru-baru ini bertempat di salah sebuah dewan kuliah di Universiti York.

Pada tahun-tahun sebelumnya, BruYork telah mengadakan ceramah motivasi tahunan, tetapi memutuskan untuk menukar format forum tersebut pada tahun lepas.

Objektif tema forum 'Lapas ani apa?' adalah bagi membimbing pelajar untuk membuat perancangan selepas tamat pengajian.

Forum diadakan dalam dua sesi, iaitu pagi dan petang di mana ahli panel bagi sesi pagi ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Ustaz Muskrisman Safari bin Haji Mustapha; Awang Muhammad Ayyub bin Haji Kamaluddin.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa pada forum berkenaan telah mengutarakan mengenai

kerja-kerja sukarela yang pernah dilakukan selepas tamat pengajian dan bagaimana aktiviti ini menarik minatnya.

Sementara ahli-ahli panel pada forum sesi petang terdiri daripada Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland, Dayang Nur Fifi Hazwani binti Hasman; Awang Muhammad Wazien Naufal bin Awang Azmain dan Dayang Siti Nur Syahmina Zaini.

Topik-topik yang dibincangkan termasuklah sama ada terdapatnya keperluan untuk merancang, bagaimana untuk mencapai matlamat dan bagaimana mengatasi kegagalan.

Turut hadir ialah, wakil Unit Pelajar Brunei, Dayang Siti Huzaimah binti Haji Azahari dan Awang Muhammad Faiz bin Abdul Hamid sebagai moderator forum untuk kedua-dua sesi berkenaan.

Forum tersebut telah berjaya menarik ramai penontonnya di livestream YouTube dan Instalive bukan sahaja daripada pelajar Brunei di UK, tetapi juga di tanah air. Video penuh forum ini boleh dilihat

di YouTube.

Masyarakat mempunyai rancangan dan idea yang lebih besar untuk forum yang akan datang. Penambahbaikan adalah perlu dan ini boleh membawa kepada perubahan besar namun tujuan forum ini tetap sama, iaitu untuk memberi motivasi melalui pengetahuan.

## Karya Seni China kukuhkan hubungan diplomatik

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 April. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof baru-baru ini telah menerima sebuah lukisan bertajuk 'Abode of Happiness' berlangsung di bangunan Kementerian berkenaan.

Lukisan tersebut dilukis oleh tiga orang pelukis dari 'China Academy of Art' sewaktu pameran bersama yang diadakan mulai 22 November 2016 di Muzium Maritim, Bandar Seri Begawan.

Pelukis dari republik berkenaan sempat menghasilkan karya bersama khusus buat KKBS sebagai tanda penghargaan dan setiakawan.

Karya seni tersebut diserahkan

oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian kepada Yang Berhormat Pehin.

Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jali dan Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Pameran tersebut dianjurkan bersama oleh Kedutaan Republik Rakyat China dan Jabatan Muzium-Muzium, KKBS.

Pelukis ternama negara dan Republik Rakyat China bergabung mempamerkan karya mereka bersempena 25 tahun hubungan diplomatik antara kedua buah negara.



AHLI-AHLI panel forum motivasi tahunan bergambar ramai bersama pelajar-pelajar Brunei dari seluruh United Kingdom yang diadakan di salah sebuah Dewan Kuliah di Universiti York.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (kiri) semasa hadir menyampaikan Pingat Kerja Lama kepada salah seorang penerima sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun (atas), sementara gambar kanan, Timbalan Menteri Pertahanan dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) hadir pada majlis tersebut.



## Seramai 126 terima pingat P.K.L.



TIMBALAN Menteri Pertahanan semasa menyampaikan Pingat Kerja Lama kepada salah seorang kakitangan wanita Kementerian Pertahanan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Ke-70 Tahun.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada seramai 126 orang bagi pegawai dan kakitangan awam di Kementerian Pertahanan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-70 bagi Tahun 2016.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Garrison, di sini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Pengurniaan pingat tersebut merupakan satu pengiktirafan atas segala sumbangan prestasi kerja dan curahan jasa bakti setiap pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir dalam majlis penyampaian pingat tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha Tetap, di Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, Timbalan Setiausaha Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.


Sementara itu, Pegawai Selidik

Kanan Kementerian Pertahanan, Awang Haji Azlan bin Haji Abdul Ghani, salah seorang penerima ketika ditemui berkata pengurniaan pingat tersebut merupakan satu penghargaan yang tidak dapat dinilai, perasaan terima kasih yang sukar digambarkan dan hanya dapat membalas jasa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui perkhidmatan berterusan ke arah kecemerlangan selain menghayati atau menandai Wawasan Negara 2035," ujarnya.

Manakala bagi Ketua Pasukan Bahagian Kesihatan Kementerian Kesihatan, Asrah bin Haji Tuah yang sudah berkhidmat selama 26 tahun menyarankan kepada semua warga perkhidmatan awam untuk sentiasa tekun bekerja, taat menurut perintah ketua dan melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin tanpa mengeluh.

Semua pegawai dan kakitangan kerajaan ujarnya, mestilah mampu membangun semangat tanggungjawab untuk menyumbang pada kejayaan negara.

## Mangsa kebakaran terima sumbangan Yayasan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 April. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (Yayasan) salah satunya bertujuan dalam memberikan pemeduliaan dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah bencana kebakaran rumah.

Sehubungan itu, Yayasan hari ini menyampaikan sumbangan kewangan keseluruhan berjumlah BND18,300.00 kepada empat buah keluarga yang terdiri daripada 21 ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah baru-baru ini di Kampung Bukit Puan dan Kampung Pelambayan.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Pengarah Urusan Yayasan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Bantuan tersebut dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Ketua-ketua keluarga mangsa kebakaran yang menerima sumbangan daripada Yayasan terdiri daripada Tuwat anak Manggau dan Joharie anak Tuwat dari Kampung Bukit Puan, Luagan Lalak, Labi serta Dayang Hamidah binti Haji Ali dan Awang Suhairol bin Haji Yahya dari Kampung Pelambayan.

Dayang Hamidah ketika ditemui melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberikan sumbangan, di samping pemeduliaan dan keprihatinan terhadap nasib mereka.

Ketika ditanya mengenai kejadian kebakaran yang terjadi, beliau menceritakan kejadian berlaku pada 15 Mac baru-baru ini sekitar jam tengah hari.

Beliau tidak menyedari punca kebakaran bermula dari garaj sehingga membolehkan api menjilat rumah mereka.

Semasa kejadian tambahnya, beliau diberitahu oleh cucunya bahawa api sudah semakin membesar.

Pada masa ini beliau tinggal bersama ahli keluarganya di Kampung Serdang.

PENGARAH Urusan Yayasan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail semasa menyampaikan derma kepada salah seorang mangsa kebakaran rumah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mokti bin Haji Daud (dua, kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Pembangunan Diri sempena Ulang Tahun Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang Ke-25 Tahun.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mokti (kiri) menyampaikan starter pack kepada salah seorang peserta Program Pembangunan Diri.

# Program Pembangunan Diri cetus kesedaran ke arah perubahan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 April.** - Seramai 13 belia yang berdaftar di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyertai Program Pembangunan Diri yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini.

Program yang diadakan sempena Ulang Tahun Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang Ke-25 Tahun itu dikendalikan oleh perbadanan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Majlis Ugama Islam, di bawah Urusetia Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ).

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan program tersebut telah diadakan di Dewan Mahligai, Airport Mall, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mokti bin Haji Daud.

Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya berkata, melalui pengendalian program tersebut, TAIB akan mengembangukan fokus kepada mereka yang menerima zakat

bagi menyokong objektif PROPAZ dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka sama ada bagi melayakkan mereka mendapat pekerjaan atau membina keyakinan untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

"Dengan pengendalian program ini juga diharapkan akan dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai terhadap usaha-usaha Jabatan Majlis Ugama Islam bagi membasmi kemiskinan," katanya.

Menurutnya lagi, antara sesi program berkenaan adalah mengenai perancangan kewangan dan Klinik Usahawan yang akan disampaikan oleh beberapa penceramah undangan tempatan dan luar negara yang berpengalaman dalam bidang perbankan dan keusahawanan.

Tambahnya, peserta-peserta program diharap akan dapat mengambil peluang tersebut untuk berinteraksi dan mengumpul pengalaman demi untuk meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran mereka.

Beliau juga berharap agar program tersebut dapat memberikan hasil yang menggalakkan serta dapat meningkatkan keyakinan diri para peserta dan mencetus kesedaran untuk mereka melakukan perubahan ke arah yang lebih baik sama ada dalam bidang pekerjaan atau keusahawanan.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian starter pack kepada para peserta program.

Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap KHEU serta pegawai-pegawai kanan di KHEU, Jabatan Majlis Ugama Islam, Urusetia PROPAZ, TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad.



ANTARA pegawai dan kakitangan serta belia yang hadir pada majlis tersebut.

## Peserta dan pembimbing bengkel terima sijil

Berita dan Foto :  
Ihsan Faridah Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 April.** - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli, telah mengendalikan Bengkel Forum bagi para peserta dan guru pembimbing Pertandingan 'Tuturan Pelajar' Forum Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah dan Pra-Universiti pada 15 April lalu yang dianjurkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Radio Televisyen. Bengkel sehari ini berlangsung di Ruang Legar Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penutupan Bengkel Forum tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan yang seterusnya juga menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan dan cenderamata kepada para pembekel dan Sijil Penyertaan kepada para peserta.

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan guru pembimbing dari 10 buah Sekolah Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam mengikut bengkel berkenaan yang dikendalikan oleh Ustaz Haji Mail bin Haji Besar dan empat orang pegawai dari BKN.

Pegawai Pelajaran Kanan / Ketua



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (duduk, tengah) hadir selaku tetamu kehormat Bengkel Forum bagi para peserta dan guru pembimbing Pertandingan 'Tuturan Pelajar' Forum Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah dan Pra-Universiti.

Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd. Wahab dalam ucapan alu-aluan menyatakan bengkel, antara lain bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan para pelajar dan guru-guru pembimbing dalam bidang keforuman yang diharap akan dapat memberikan pendedahan

dan gambaran sebenar kepada mereka mengenai teknik penyampaian sebuah forum yang berkesan, penggunaan gagasan idea yang kreatif dan kritis serta beberapa tips kemahiran penyampaian forum yang menarik.

Dari segi perisian pula, seramai empat orang pegawai dari BKN telah

memberikan bantuan, berkongsi ilmu dan pendapat serta memberikan tunjuk ajar secara langsung kepada para pelajar. Para peserta juga diberi kesempatan mengajukan pertanyaan dan berkongsi maklumat dalam sesi soal jawab mengenai isi dan fakta-fakta yang berkaitan dengan topik perbincangan yang telah dipilih oleh

setiap pasukan.

Rakaman bagi Peringkat Saringan Pertandingan 'Tuturan Pelajar' itu akan diadakan bermula pada 13 hingga 17 Mei 2017.

Manakala Peringkat Separuh Akhir akan diadakan pada 20 Mei 2017 dan Peringkat Akhir dijangka akan diadakan pada 6 Julai 2017.

# Pelajar didedahkan pengetahuan asas STI



BENGKEL Training of Trainers bagi Kesedaran Kesihatan Reproduksi menerima taklimat pengenalan HIV Awareness Programme for Peers and Youth (HAPPY Program) yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 April. - Seramai 70 orang guru dari Sekolah-sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Kluster 1 dan 3 termasuk Sekolah Sukan, telah dipilih untuk menghadiri Bengkel 'Training of Trainers' Kesedaran Kesihatan Reproduksi 2017 Fasa 2 yang berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 25 April, di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Tujuan sesi latihan ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan asas kalangan peserta mengenai Jangkitan Hubungan

Kelamin (STI) termasuk HIV dan AIDS, kehamilan remaja serta isu-isu berkaitan.

Sesi latihan itu diisikan dengan taklimat mengenai penyakit STI diikuti dengan taklimat mengenai Kehamilan Remaja.

Selain itu, latihan turut mengongsikan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan dalam mencegah dan mengawal STI termasuk HIV dan AIDS, dan kehamilan remaja di negara ini serta mengongsikan teknik-teknik mengelakkan faktor-faktor dan situasi yang boleh mendorong kepada melakukan hubungan

kelamin.

Latihan itu juga melibatkan peserta-peserta dalam merangka aktiviti yang menjurus kepada kesedaran kesihatan reproduktif bagi pelajar-pelajar di sekolah masing-masing dalam masa seminggu program tersebut.

Bengkel ini diharap dapat meningkatkan kesedaran para pelajar mengenai STI dan kehamilan remaja serta keburukannya kepada masa depan mereka selain membimbing kemahiran mengelak diri daripada melakukan hubungan kelamin di usia remaja.

Bengkel ini dianjurkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam.

## Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan mula April 2017

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 April. - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan atau MSD sedang melaksanakan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan bermula pada 1 April 2017 hingga 31 Mac 2018.

Menurut Siaran Akhbar MSD, antara objektif kaji selidik tersebut adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan hati pelanggan, mengetahui tahap persepsi pelanggan terhadap kualiti pemberian perkhidmatan serta untuk mendapatkan pandangan / cadangan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam memberikan perkhidmatan.

Kaji selidik pada tahun ini merupakan yang ke-9 sejak diperkenalkan pada tahun 2002 dan melibatkan agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai.

MSD mempelawa orang ramai selaku pelanggan bagi perkhidmatan kerajaan untuk menyertai kaji selidik berkenaan.

Pelaksanaannya adalah secara manual, iaitu pelanggan mengisi borang kaji selidik semasa berada di premis-premis kerajaan.

Maklumat lanjut mengenai kaji selidik ini bolehlah diperoleh dari laman sesawang MSD, <http://www.jpp.gov.bn> termasuklah senarai beberapa agensi yang ikut serta dan soalan lazim (FAQs).

Maklum balas orang ramai melalui kaji selidik ini sangat berguna bagi MSD mengatur strategi dalam menangani masalah yang dihadapi oleh orang ramai dan menambatkan perkhidmatan kerajaan sesuai dengan kehendak dan keperluan orang ramai.



PARA pegawai dari Jabatan Tanah dan turut dijayakan oleh Jabatan Ukur yang hadir menghuraikan mengenai Akta Hak Milik Strata, Proses Pecah Bahagi Bangunan Strata, Proses Penyediaan Sijil bagi Pecah Bahagi Bangunan Strata, Proses Pendaftaran dan Pindah Milik Hak Milik Strata dan akhir sekali Peranan Perbadanan Strata pada Majlis Pembarigaaan Hak Milik Strata di bawah Akta Kanun Tanah (STRATA) Penggal 189 yang berlangsung di Dewan Bertabur, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan.



ANTARA pemilik tanah, pemaju, agen hartanah, badan-badan profesional, juru ukur tanah berlesen, peguam, institusi kewangan semasa menghadiri Majlis Pembarigaaan Hak Milik Strata di bawah Akta Kanun Tanah (STRATA) Penggal 189 yang berlangsung di Dewan Bertabur, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan.

## Akta Hak Milik Strata dibarigakan

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhammad Huzmi Lawi  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 April. - Pemilikan hartanah di Negara Brunei Darussalam telah melangkah ke fasa baharu dengan berkuat kuasanya Akta Kanun Tanah (Strata) Penggal 189 bermula pada 1 Julai 2009.

Sementara itu, ke arah memberigakan maklumat mengenai hak milik strata yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah mengadakan Jerayawara Pembarigaaan Akta Hak Milik Strata yang diadakan bertempat di Dewan Bertabur, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan, di sini.

Pada majlis berkenaan kelebihan hak milik strata dan juga prosedur-prosedur yang berkaitan telah dihuraikan menerusi lima taklimat yang dibahagikan pada Pengenalan Akta Hak Milik Strata, Proses Pecah Bahagi Bangunan Strata, Proses Penyediaan Sijil bagi Pecah Bahagi

Bangunan Strata, Proses Pendaftaran dan Pindah Milik Hak Milik Strata dan akhir sekali Peranan Perbadanan Strata yang telah disampaikan oleh para pegawai dari Jabatan Tanah dan turut dijayakan oleh Jabatan Ukur dalam peranannya bagi memproses permohonan Pecah Bahagi Bangunan Strata.

Di sepanjang jerayawara berkenaan, ianya telah dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan mewakili pemilik tanah, pemaju, agen hartanah, badan-badan profesional, juru ukur tanah berlesen, peguam dan institusi kewangan bagi meningkatkan kefahaman dan membantu meningkatkan kadar permohonan pengeluaran geran hak milik strata.

Akta Kanun Tanah (Strata) Penggal 189 diperkenalkan bagi menggalakkan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur dalam pasaran hartanah di negara ini, di samping memberi jaminan hak pemilikan tanah persendirian dan hak pemilikan strata yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Brunei, penduduk tetap dan warga asing.



# PSBNS tingkat hubungan kerjasama



SESI bergambar ramai Ahli Jawatankuasa PSBNS Brunei 2017. Juga hadir Ketua Lembaga Penasihat PSBNS BRUNEI 2017, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim (duduk, tengah).



ANTARA ahli yang hadir pada Mesyuarat Khas PSBNS Brunei 2017.

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 April. - Mesyuarat Khas Perhimpunan Sasterawan Budaya Negara Serumpun anjuran Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERWANI) dan Perhimpunan Sastera Budaya Negara Serumpun (PSBNS) 'Brunei Chapter' telah diadakan pada 16 April lalu di salah sebuah restoran, Kampung Kiulap, di sini.

Pada majlis itu, Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah selaku Pengerusi Majlis merangkap Ketua PSBNS 'Brunei Chapter' menyampaikan ucapan alu-aluan diikuti dengan ucapan daripada Ketua Lembaga Penasihat PSBNS BRUNEI 2017, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sebelum Mesyuarat Khas PSBNS dimulakan, penyampaian cenderamata kepada panel hakim peraduan cadangan tema PSBNS Brunei 2017 yang disusuli dengan penyampaian cenderamata kepada pemenang unggul peraduan cadangan tema PSBNS Brunei 2017, Dayang Hajah Shaharah binti Dato Paduka Haji Abdul Wahab.

Antara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah mengemaskinikan kertas kerja PSBNS Brunei 2017.

Antara tujuan Perhimpunan PSBNS yang membawakan tema PSBNS "Serumpun Sekata" itu ialah bagi mempertemukan sasterawan dan budayawan negara serumpun di Brunei Darussalam.

PSBNS pada umumnya akan dapat meningkatkan hubungan kerjasama di antara ahli-ahlinya dari negara serumpun dalam bidang sastera dan budaya.

# Pelajari secara mendalam selok-belok MIB

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa mengadakan Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) bertempat di Auditorium, UNISSA, di sini.

Kuliah khas, 'Sejarah Kedatangan Islam ke Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Dalam kuliah khas berkenaan, Pengiran Dato menjelaskan perlunya anak jati Brunei mempelajari selok-belok MIB itu dan mengetahuinya secara mendalam, khususnya mereka yang berada di institusi pengajian tinggi.

Jelasnya, ia tidak cukup hanya mengetahuinya setakat di permukaan sahaja atau setakat luar sahaja.

Tambahnya, dengan mengetahui sejarah kemasukan Islam ke negara ini adalah sebahagian dari MIB.

Pengiran Dato seterusnya menjelaskan, kemasukan Islam ke negara inilah yang mewujudkan MIB, tanpa Islam tentulah MIB itu tidak ada.

Di samping itu, Pengiran Dato menjelaskan, Islam telah masuk ke Brunei seawal abad ke-10 Masihi dalam bentuk yang terhad, agama itu

katanya, dibawa oleh pedagang-pedagang dan mubaligh Arab, atau Arab Parsi, atau China Muslim yang telah memeluk Islam.

Selain itu, Pengiran Dato juga menjelaskan, Kesultanan Melayu Islam Brunei tertubuh dalam abad Ke-14 Masihi dengan Awang Alak Betatar menjadi raja Brunei pertama yang memeluk Islam bernama Sultan Muhammad Shah, sementara itu Sultan Sharif Ali yang dengan takdir Allah menjadi Sultan Brunei yang Ke-3, telah memperkukuh lagi ajaran Islam itu dan seterusnya mengembangkannya ke seluruh negara.

Sultan-sultan berikutnya masing-masing menyumbang ke arah perluasan wilayah kekuasaan, struktur pemerintahan, pertahanan, adat istiadat dan perundangan Islam.

Dalam pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, pucuk pimpinannya dapat mengembalikan kedaulatan kerajaan dan cahaya Islam di negara ini, sehinggalah di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah meletakkan Brunei sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat dan merdeka, yang disegani



PENGIKIRAN Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (duduk, tengah) bergambar bersama Pemangku Rektor UNISSA dan Penyelaras Kuliah Khas MIB.

dan dihormati bukan sahaja di rantau ini malah juga di arena antarabangsa.

Kuliah tersebut dipengerusikan (moderator) oleh Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia, UNISSA, Dr. Awang Adam bin Haji Jait.

Juga hadir, Pemangku Rektor

UNISSA, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor UNISSA; Pemangku Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi.

Antara tujuan kuliah khas itu

diadakan bagi memberikan ilmu dan manfaat serta mengetahui lebih mendalam lagi tentang sejarah serta kesan-kesan kedatangan Islam itu di Brunei kepada pelajar-pelajar UNISSA, yang mana Islam adalah cara hidup yang lengkap dan menjadi teras kehidupan masyarakat Brunei.

# Sumbangan dana masjid warga Perkhidmatan Awam bukan mandatori



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (tengah) menjelaskan mengenai Sumbangan Gaji secara Automatik bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam pada Sidang Media yang berlangsung di Bilik Persidangan, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

## Dari muka 1

Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof berkata demikian pada Sidang Media mengenai Sumbangan Gaji secara Automatik bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, pemotongan gaji sebanyak BND2.00 secara automatik tersebut akan dilaksanakan bermula bulan Jun 2017 bagi setiap warga Perkhidmatan Awam yang beragama Islam dan bergaji bulan yang belum membuat sumbangan ke tabung tersebut. Ianya bukan mandatori. Setiap individu boleh membuat sumbangan atau tidak menyertai skim.

Untuk ini bolehlah terus berurusan secara pentadbiran melalui Bahagian Kewangan di kementerian atau jabatan masing-masing dan mengisi borang khas yang disediakan.

"Jika penjawat awam tidak memberi maklum balas sehingga 31 Mei 2017, iaitu tidak memberi maklumat bahawa mereka memilih untuk tidak menyertai skim sumbangan ini, maka pemotongan gaji secara automatik sebanyak BND2.00 akan dibuat mulai bulan Jun 2017," tambahnya lagi.

Menurutnya, sebanyak BND 4,951,861.40 jumlah kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang telah terkumpul sejak ia ditubuhkan pada 4 Jun 2015 sehingga 31 Mac 2017.

Dari jumlah tersebut, kutipan melalui pemotongan gaji adalah

sebanyak BND780,608.61 iaitu seramai 5,031 warga perkhidmatan awam telah membuat sumbangan melalui pemotongan gaji.

Setiausaha Tetap KHEU seterusnya menjelaskan, bahawa kaedah-kaedah kutipan Tabung Dana yang telah dilaksanakan sebelum ini masih lagi berjalan seperti biasa.

Selain itu, kutipan itu juga dibuat melalui penyerahan sumbangan terus ke Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU; Pledging atau Pernyataan Ikrar; memasukkan sumbangan terus ke dalam Tabung-Tabung Dana di masjid-masjid dan bangunan-bangunan tertentu; sumbangan melalui perkhidmatan SMS; sumbangan melalui pemotongan gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan dan GLC atau Government Linked Companies.

Oleh : Nooradini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

Semua hasil kutipan yang diterima tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Khas bagi Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam sama ada ke dalam

nombor akaun : 00-001-01-0047148 di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau nombor akaun : 002109403102068 di Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

**JELASNYA, pemotongan gaji sebanyak BND2.00 secara automatik tersebut akan dilaksanakan bermula bulan Jun 2017 bagi setiap warga Perkhidmatan Awam yang beragama Islam dan bergaji bulan yang belum membuat sumbangan ke tabung tersebut. Ianya bukan mandatori. Setiap individu boleh membuat sumbangan atau tidak menyertai skim.**



## Jerayawara mengenai Sumbangan Gaji Secara Automatik

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 April.** - Dalam usaha memberikan kefahaman yang mendalam mengenai Sumbangan Gaji Secara Automatik bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ke Tabung Dana bagi

Pembinaan Masjid (TDBPM), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) mengambil inisiatif mengadakan jerayawara khusus bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

Jerayawara Sumbangan Gaji Secara

**PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh** ketika berucap pada Jerayawara Sumbangan Gaji Secara Automatik bagi Pegawai dan kakitangan kerajaan ke TDBPM (kiri).

Automatik bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ke TDBPM pada hari pertama itu disampaikan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh bertempat di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurutnya, Penubuhan TDBPM Negara Brunei Darussalam adalah suatu langkah yang positif.

Melalui penubuhan tabung ini katanya, semua pihak sama ada mereka yang berada atau tidak berada akan dapat memainkan peranan masing-masing dalam memberikan sumbangan 'seangkat-angkat hati' selaras dengan objektif penubuhannya, iaitu untuk memberi peluang kepada

orang ramai khususnya umat Islam di negara ini untuk sama-sama melibatkan diri di dalam pembinaan masjid dan bertanam 'saham akhirat' dengan mengikut cara kemampuan masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan tabung dana tersebut, yang mana tabung itu ditadbir oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui sebuah jawatankuasa khas sementara yang dilantik sebelum diambil alih oleh Lembaga Pemegang Amanah, manakala, JHEM pula telah dilantik menjadi Urusetia Tabung Dana berkenaan.

Dengan adanya Penubuhan TDBPM ini, orang ramai khususnya rakyat dan penduduk negara ini disarankan untuk sama-sama mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah, sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang masyhur, yang maksudnya, apabila meninggal seorang anak Adam (manusia), maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya.

**PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan kerajaan** ketika menghadiri Jerayawara Khusus mengenai Sumbangan Gaji Secara Automatik bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid (TDBPM). Majlis berlangsung di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri).



# Kembangkan tulisan Jawi kepada generasi muda



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Program Semarak Jawi sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun anjuran Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun (kiri dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin

SUNGAI KEBUN, Jumaat, 21 April. - Program Semarak Jawi 2017 dihasrat akan dapat memperkembangkan lagi tulisan Jawi terutama kepada generasi kini dan akan datang serta memberi pengetahuan tentang kaedah-kaedah tulisan jawi.

Shubungan itu Majlis

Penyampaian Hadiah-Hadiah Program Semarak Jawi dan Sijil-Sijil Penghargaan Hari Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun berlangsung di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah.

Antara pengisian program berkenaan termasuklah Bengkel Tulisan Jawi yang bermula dari 1 hingga 4 April 2017 manakala, Peraduan Tulisan Jawi dan Pertandingan Membaca Teks Jawi

telah diadakan pada 14 April 2017.

Terdahulu, Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun, Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin dalam ucapannya menyatakan tahun ini pegawai-pegawai hal ehwal masjid beserta ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid dapat mengukuhkan empat aktiviti bagi sama-sama meningkatkan kemakmuran masjid.

Pelbagai aktiviti diadakan dalam bulan April ini, antaranya Majlis Pelancaran Semarak Jawi 2017, Majlis Pelancaran Projek Amal Jemaah Masjid 2017, Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Pasukan Veteran Masjid Al-Muhtadee Billah dengan Pasukan Belia-Belia Keluarga Haji Nasar Kampung Burong Pinggai Ayer dan Penyampaian Hadiah Program dan Sijil Penghargaan Perbarisan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini.

## Rondaan pencegahan jenayah di Mukim Amo dan Mukim Labu

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Khamis, 20 April. - Unit Pengawasan Kejiranan (PK) Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong, telah menjalankan rondaan pencegahan jenayah di kawasan berasingan di Mukim Amo dan Mukim Labu semalam.

Selain unit itu, kerjasama daripada seramai 12 ahli yang diketuai oleh Ketua Kampung Selangan, selaku Pengerusi PK,

Awang Dulamit bin Haji Burot, juga turut menjalankan rondaan pencegahan jenayah dengan PK Kampung Selangan / Parit / Sibulu bermula sekitar jam 8.00 malam.

Turut hadir Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Bahrun bin Haji Talip yang juga selaku Penasihat PK.

Rondaan bersama ini mewujudkan kesepaduan anak-anak buah

kampung masing-masing dalam sama-sama menjaga keselamatan kawasan kejiranan di kedua-dua buah mukim daripada sebarang perlakuan jenayah dan untuk menjamin suasana yang aman demi kesejahteraan.

Rondaan berjalan kaki dan menggunakan kenderaan digiatkan di kawasan kampung-kampung Pengawasan Kejiranan di kedua-dua buah mukim. Tiada kegiatan yang mencurigakan didapati sepanjang rondaan dijalankan. Operasi dijalankan sehingga larut malam.



RONDAAN pencegahan jenayah secara berasingan dijalankan sekitar kawasan di Mukim Amo dan Mukim Labu.

## Rondaan jenayah sekitar Kampung Pudak

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



RONDAAN pencegahan jenayah Balai Polis Kampung Ayer bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Pudak.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 April. - Balai Polis Kampong Ayer bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Pudak semalam telah menjalankan rondaan pencegahan jenayah di kawasan berkenaan.

Sebelum rondaan dimulakan, para ahli yang terbabit berkumpul di Masjid Kampung Pudak dan diselajurkan dengan taklimat mengenai rondaan sekitar jam 9.00 malam.

Hadir mengetuai rondaan tersebut ialah Pegawai Menguasa Balai Polis

Kampung Ayer (Officer In Charge Of Kampong Ayer Polis Station) Insp. Muhd. Marzuqi Koo bin Abdullah dan anggota Balai Polis Kampung Ayer.

Turut hadir, Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Pudak yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pudak, Awang Shahri bin Haji Durahim.

Rondaan bermula dari Masjid Kampung Pudak dan berjalan kaki di kawasan jambatan Kampung Pudak dan kawasan laluan di darat dan rondaan selesai jam 10.25 malam.



KETUA Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan derma kepada salah seorang penerima.

## Jabatan Sekolah-Sekolah huluskan derma kepada 38 pelajar

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Pg. Amirulnizam  
Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menghulurkan bantuan derma berupa wang tunai berjumlah BND18,582 kepada 38 pelajar mangsa kebakaran rumah dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, Bangunan Kementerian Pendidikan, di sini.

Pelajar-pelajar tersebut merupakan mangsa kebakaran rumah yang berlaku

di Kampung Sungai Asam, Kampung Lurong Dalam, Kampung Pandai Besi dan Kampung Kapok, Daerah Brunei dan Muara; Kampung Sungai Tanit, Bangar, Daerah Temburong dan Flat kediaman F6, Penanjong Kem, Daerah Tutong.

Para pelajar menerima bantuan sebanyak BND489 setiap seorang.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), JSS, Awang Haji Mohd. Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapannya berkata, sumbangan derma

yang dihulurkan diharap sedikit sebanyak dapat meringankan beban hidup yang dialami pelajar terutama dalam meningkatkan kemajuan dalam bidang pelajaran.

Selain itu, tambahnya, ia juga diharap akan digunakan bagi perkara-perkara yang berfaedah.

Sumbangan yang dihulurkan itu jelasnya, adalah sebagai tanda prihatin dan simpati terhadap musibah yang menimpa para pelajar berkenaan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Ghafar; pegawai-pegawai kanan JSS; pengetua; guru besar dan guru-guru dari sekolah-sekolah yang berkenaan serta ibu bapa juga penjaga pelajar-pelajar yang terlibat.

## Program RRP suntik semangat kenegaraan pelajar

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 19 April. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat

kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program RRP ke Sekolah Menengah Chung Hwa,

Bandar Seri Begawan (BSB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengarah Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan, Denis Ho Mun Tai.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa BSB, Kho Guik Lan selaku Pengerusi Bersama program berkenaan; tenaga pengajar serta 145 pelajar Tahun 9 dan 123 pelajar

Tahun 10 sekolah berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa antaranya menjelaskan, menerusi Program RRP tersebut, para pelajar diharap akan dapat manfaat.

Di samping itu katanya, program tersebut akan dapat menyuntik semangat kenegaraan dalam kalangan para pelajar.

Pada majlis itu, taklimat

'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Semasa menemu bual pelajar Tahun 9, sekolah tersebut, Awang Ahmad Zafri bin Abdullah menjelaskan, Program RRP dapat meningkatkan semangat patriotik kepada golongan remaja.



PERSEMBAHAN sketsa daripada pelakon tempatan dan menyampaikan kuiz untuk pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa.



PENGARAH Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan, Denis Ho Mun Tai selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz bersempena Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) berlangsung di Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan (BSB).

## PPNBD hantar perwakilan ke Sidang Kemuncak Pemimpin Pengakap

Siaran Akhbar dan Foto :  
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 April. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menghantar tiga Pesuruhjaya Pengakap bagi menyertai Sidang Kemuncak Pemimpin Pengakap Rantau Asia Pasifik Kali Ke-9.

Mereka ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip dan Setiausaha Agong PPNBD, Awang Haji Zainuddin bin Haji Jaafar.

Menurut Siaran Akhbar PPNBD tersebut, Sidang Kemuncak anjuran pergerakan Pengakap Rantau Asia

Pasifik dengan kerjasama Gerakan Pramuka Indonesia itu berlangsung di Inna Grand Bali Beach Hotel, Resort and Spa, Sanur, Bali, Indonesia bermula pada 22 hingga 25 April ini.

Sidang Kemuncak itu turut dihadiri oleh lebih 100 Pemimpin Pengakap dari 25 buah negara dari rantau Asia Pasifik yang bertujuan untuk menganalisis perkembangan pergerakan Pengakap di rantau ini di antara Pemimpin Pengakap dan untuk mengenal pasti cabaran yang bakal dihadapi oleh rantau ini.

Di samping menyediakan hala tuju dan visi bagi rantau Asia Pasifik serta mengenal pasti bidang tumpuan fokus utama alaf *triennium* yang akan

datang dan memberi cadangan-cadangan dan perkongsian maklumat dalam persiapan untuk Persidangan Pergerakan Pengakap Sedunia kali Ke-41 yang akan datang di Azerbaijan pada 14 hingga 18 Ogos 2017 dan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik kali Ke-26 di Republik Filipina pada Tahun 2018.

Turut mengucapkan selamat belayar ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas dan pegawai-pegawai PPNBD bertempat di Ibu PPNBD.

**YANG** Dipertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas mengucapkan selamat belayar kepada tiga Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang akan menyertai Sidang Kemuncak Pemimpin Pengakap Rantau Asia Pasifik Kali Ke-9 di Bali Indonesia.



# Pastikan persekitaran bersih dari ancaman asap rokok

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**GADONG**, Khamis, 20 April. - Sekolah Ugama Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Kampung Mata-Mata (SU PPSDSB) menjadi pusat tumpuan bagi Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan April 2017 Masihi / 1438 Hijrah yang bertemakan 'Rokok dan Merokok Memudaratkan'.

Program berkenaan dihadiri oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Brunei Muara III, Awang Zamiri bin Haji Nayan.

Menerusi program tersebut satu tazkirah 'Rokok dan Merokok Memudaratkan' disampaikan oleh Guru Ugama, SU PPSDSB, Awang Mohamad Akif bin Haji Zulkifli, yang antara lain menegaskan bahawa agama Islam melarang keras umatnya melakukan apa jua perkara yang membinasakan diri dan berdasarkan pengesahan pakar bahawa rokok itu membahayakan dan

membinasakan.

Jelasnya, perbuatan merokok adalah pembaziran dan melakukan sesuatu yang boleh membahayakan nyawa dan mendatangkan pembaziran adalah haram dari hukum syarak.

"Keburukan rokok yang menguatkan pengharamannya ialah rokok dan merokok boleh membawa maut, nikotin yang terdapat di dalamnya menyebabkan ketagihan dan tabiat merokok itu menyebabkan pelbagai jenis penyakit seperti lelah, barah paru-paru, kerosakan saluran darah serta menyebabkan pada pelbagai jenis penyakit barah," terangnya dengan lebih lanjut.

Oleh itu, bagi memastikan negara ini bebas dari asap rokok serta untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam membendung gejala dan tabiat buruk rokok, marilah kita sama-sama memastikan persekitaran bersih dari ancaman asap rokok.



**PROGRAM** Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan April 2017M / 1438H dihadiri oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Brunei Muara III, Awang Zamiri bin Haji Nayan.

Program seterusnya diikuti dengan selawat-selawat Nabi dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, tema program

keagamaan kali ini memberikan murid-murid / pelajar-pelajar kefahaman mengenai rokok dan merokok memudaratkan, di mana melalui hasil kajian pakar perubatan Islam dan bukan Islam menemui hasil

kajian, yang sama bahawa rokok membahayakan kesihatan kerana setiap hisapan yang dilakukan oleh perokok sebenarnya dia menyedut 4,000 bahan kimia (kandungan dalam rokok).

## Merokok tabiat pembaziran



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG**, Khamis, 20 April. - Agama Islam melarang keras umatnya melakukan apa jua perkara yang membinasakan diri sendiri seperti merokok.

Hasil kajian pakar perubatan Islam dan bukan Islam menemui hasil kajian yang sama bahawa rokok membahayakan kesihatan kerana setiap hisapan yang dilakukan oleh perokok sebenarnya dia menyedut 4,000 bahan kimia (kandungan dalam rokok).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Guru Sekolah Ugama Keriam, Awang Mohd. Azim @ Awang Runni bin

Abdul Rani semasa menyampaikan tazkirah pada Program Keagamaan Senegara 'Rokok dan Merokok Memudaratkan', bertempat di dewan sekolah tersebut.

Beliau seterusnya menjelaskan, berdasarkan pengesahan pakar bahawa rokok itu membahayakan dan membinasakan serta jelas kepada kita perbuatan merokok itu merupakan pembaziran, maka melakukan yang membahayakan dan pembaziran adalah haram dari hukum syarak.

Seramai 191 murid terdiri daripada murid Darjah Pra hingga VI dari sekolah berkenaan hadir mengikuti program tersebut.

Juga hadir, Guru Besar Sekolah Ugama Keriam, Dayang Mazmewati binti Mazali, pegawai Jabatan Pengajian Islam serta guru-guru sekolah berkenaan.

**ANTARA** murid Darjah Pra hingga VI yang hadir pada program tersebut.

## Program Keagamaan Senegara hurai bahaya rokok



**TAKZIRAH** "Rokok dan Merokok Memudaratkan" disampaikan oleh Guru Kanan Pentadbiran Sekolah Ugama Selangan, Awang Haji Rozaiman bin Haji Abdul Rahman (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian daripada 60 murid Darjah Pra hingga VI Sekolah Ugama Selangan yang menghadiri Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab 1438H bersamaan 2017M bagi bulan April.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG**, Khamis, 20 April. - Hasil kajian pakar perubatan Islam dan bukan Islam telah menemui hasil kajian yang sama, bahawa rokok amat membahayakan kesihatan kerana dengan setiap hisapan yang dilakukan, perokok sebenarnya menyedut empat ribu bahan kimia yang terkandung di dalam rokok.

Guru Kanan Pentadbiran Sekolah

Ugama (SU) Selangan, Awang Haji Rozaiman bin Haji Abdul Rahman dalam tazkirahnya menegaskan, agama Islam melarang keras umatnya melakukan apa jua perkara yang membinasakan diri, termasuklah rokok, yang mana berdasarkan pengesahan pakar bahawa rokok itu membahayakan dan membinasakan serta jelas perbuatan merokok itu

melakukan pembaziran, maka melakukan yang membahayakan dan pembaziran adalah haram dari hukum syarak.

Tazkirah yang bertajuk 'Rokok dan Merokok Memudaratkan' disampaikan pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab 1438H / 2017M bagi bulan April yang berlangsung SU Selangan, di sini dengan melibatkan seramai 60 murid Darjah Pra hingga VI sekolah berkenaan.

Seterusnya Guru Kanan Pentadbiran

SU Selangan itu seterusnya menjelaskan, keburukan rokok yang menguatkan pengharamannya ialah rokok dan merokok boleh membawa maut, bila mana Nikotin yang terdapat dalam tembakau / rokok menyebabkan ketagihan, sementara tabiat merokok akan menyebabkan pelbagai jenis penyakit seperti lelah, barah paru-paru, kerosakan saluran darah serta penyebab kepada pelbagai jenis penyakit barah.

Bagi memastikan Negara Brunei Darussalam bebas dari asap rokok dan

bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam membendung gejala dan tabiat buruk rokok, murid-murid diseru untuk sama-sama memastikan persekitaran bersih dari ancaman asap rokok, iaitu melalui usaha membudayakan tabiat tidak merokok sebagai amalan cara hidup yang sihat dari bangku sekolah lagi dan tidak terpengaruh dengan para perokok.

Hadir pada program itu, Pegawai JPI Daerah Temburong, Dayang Rosita binti Haji Yaakub; Pemangku Guru Besar SU Selangan, Awang Iswandi bin Haji Abdul Rahim serta Guru-Guru Ugama sekolah berkenaan.

Program diteruskan dengan Salawat-Salawat Nabi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan program adalah selaras dengan matlamat yang ingin dicapai dalam Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan al-Insan as-Saleh, di mana penekanan pendidikan seimbang dan sempurna bergerak seiring menerusi kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja ko-kurikulum.

Program bagi bulan April ini diselenggarakan serentak di keempat-empat daerah bermula pada jam 8.00 pagi bagi sekolah-sekolah ugama sesi pagi dan sekolah-sekolah arab dan pada jam 2.00 petang bagi semua sekolah-sekolah ugama seluruh daerah.



PEJABAT PENERBANGAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

NOTIS TAWARAN BILANGAN :  
HMSF / TDR / 02 / 2017

TAJUK :  
TERM MAINTENANCE CONTRACT FOR  
HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT COMMUNICATION SYSTEM

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 and 17) yang sah, sijil ICTAB dan AAB status yang diiktiraf daripada AITI.
2. Dokumen tawaran yang berharga **BND500.00** (tidak dikembalikan) bolehlah diperoleh dari Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 dan 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **10 Mei 2017**.
3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama sijil pendaftaran perniagaan semasa melakukan pembayaran.
4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 Petang, Isnin, 5 Jun 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.
7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan.
8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN / 4 (39 / 1997).
10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 35/4/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 22 APRIL 2017

TARIKH TUTUP: 06 MEI 2017

1. PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
B.2 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II  
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
KEKOSONGAN = 02

2. PENYAMBUNG KABEL  
D.4 EB.5  
BAHAGIAN IV  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
KEKOSONGAN = 02

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Announcement di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JUALAN LELONG DI BALAI POLIS MARIN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ADALAH dengan ini diberikan Notis bahawa Jualan Lelong bagi barang-barang tidak bertuan akan diadakan pada **Rabu 26 April 2017, Jam 9.30 Pagi bertempat di Balai Polis Marin Muara, Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-Syarat Jualan Lelong**

1. Bagi pembeli yang berjaya dikehendaki memindah kapal yang dibeli tidak lewat satu minggu dari tarikh jualan lelong tersebut.
2. Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Polis Gadong.
3. Pembayaran menggunakan wang tunai dan cek tidak diterima.
4. Bagi pembeli yang berjaya walaupun telah menjelaskan bayaran, tetapi gagal memindahkan kapal-kapal yang dibeli dalam tempoh satu minggu dari tarikh perlelongan dibuat barang-barang tersebut boleh dirampas dan dilelong semula.

**WANG TARUHAN (CAGARAN) YANG MASIH TERSIMPAN  
DALAM AKAUN KERAJAAN YANG BELUM DITUNTUT**

Bagi mereka yang hendak menuntut Wang Taruhan (Cagaran) ini dipohonkan supaya akan dapat hadir ke **Tingkat 1, Bangunan Baharu, Unit Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara** dengan membawa Resit Asal Wang Taruhan (Cagaran) berserta dengan salinan kad pintar dan buku akaun bank dengan seberapa segera bagi tindakan pembayaran balik dan jika sekiranya Wang Taruhan tersebut tidak dituntut dalam tempoh sebulan (30 hari) dari tarikh terakhir diwartakan, maka Wang Taruhan ini tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan sebagai hasil kerajaan.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BIL	TAJUK	BILANGAN TAWARAN
1	PEMBELIAN BARANG-BARANG ALAT GANTI [MARUYAMA BL 8200 BLOWER, MARUYAMA MBS 420 BRUSH CUTTER COMPLETE HANDLE]	JBBSB/SH/2017-2018/05/EK
2	PEMBELIAN BARANG-BARANG ALAT GANTI [BATTERY NS 70, TYRE SIZE 10.00 X 20, TYRE SIZE 7.50 X 16, BATTERY ACID, TUBE SIZE 9.00 X 20]	JBBSB/SH/2017-2018/06/EK
3	PEMBELIAN BARANG-BARANG ALAT GANTI [NYLON CUTTER YELLOW, NYLON CUTTER PLATE, BLADE SET 14", SPARK PLUG, FLEXIBLE SHAFT, REAR TUBE]	JBBSB/SH/2017-2018/07/EK
4	PEMBELIAN BARANG-BARANG ALAT GANTI [CLUTCH LINING, CLUTCH HOUSING, SLEEVE PUMP(UPPER), REAR LH WHEEL PUMP(1054), REAR LH WHEEL PUMP(1056), REAR LH WHEEL PUMP(1055), REAR LH WHEEL PUMP(1057)]	JBBSB/SH/2017-2018/08/EK
5	PEMBELIAN BARANG-BARANG AM [RACUN RUMPUT, MINYAK 2T]	JBBSB/SH/2017-2018/09/EK
6	PEMBELIAN BARANG-BARANG AM [OMO, SOKLIN, CHEMICAL FRESH MATE, CHEMICAL GROBOSOL, CHEMICAL ORUE PINE, HAND SOAP]	JBBSB/SH/2017-2018/10/EK
7	PEMBELIAN BARANG-BARANG AM [BALDI MOP, TONG SAMPAH, PAINT TRAY, PARANG, ULU PARANG, PAINT TRAY]	JBBSB/SH/2017-2018/11/EK
8	PEMBELIAN BARANG-BARANG AM [PENCAKAR BESI, PENYAPU, PENYIUT SAMPAH w HANDLE, PENCAKAR RUMPUT, SARUNG TANGAN, KUNCI GANTUNG 2", KUNCI GANTUNG 3", BAJU HUJAN]	JBBSB/SH/2017-2018/12/EK
9	PEMBELIAN BARANG-BARANG AM [PLASTIK SAMPAH (GARBAGE BAG)]	JBBSB/SH/2017-2018/13/EK

Tarikh tutup : Khamis, 4 Mei 2017, jam 2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN  
TAWARAN SEBUT HARGA**

BILANGAN RUJUKAN :  
JBBSB / SH / 2017-2018 / 04 / UP

TAJUK SEBUT HARGA :  
REPAIR WORK AT BLOCK H (H12 NO.

4) WORKERS QUARTERS AT BSB  
MUNICIPAL DEPARTMENT HOUSING  
AT KAMPUNG SINARUBAI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :  
KHAMIS, 18 MEI 2017  
JAM 2.00 PETANG

Keterangan lanjut boleh diperoleh dari :  
UNIT PEMULIHARAAN  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
TEKNIKAL

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI  
BEGAWAN, TINGKAT 6  
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL  
& PERDAGANGAN BUMIPUTERA  
JALAN CATOR  
BANDAR SERI BEGAWAN.

DOKUMEN sebut harga dikenakan bayaran /  
caj sebanyak BND2.00 (dua ringgit brunei) bagi  
pendaftaran dan BND10.00 (sepuluh ringgit

brunei) bagi yuran pentadbiran dan tarikh tutup  
bagi mendapatkan dokumen sebut harga  
berkenaan ialah pada **Rabu, 17 Mei 2017,  
jam 2.00 Petang.**

Sampul surat berkenaan hendaklah  
dimasukkan ke : PETI TAWARAN SEBUT  
HARGA

TINGKAT 3  
BANGUNAN JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
JALAN PERDANA MENTERI, BA1512  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JUALAN SECARA TAWARAN AWAM  
BAGI 76 UNIT -  
PERALATAN / PERKAKAS PEJABAT,  
ELETRIK DAN MESIN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa JUALAN SECARA TAWARAN AWAM bagi peralatan / perkakas yang telah rosak dan terpakai adalah seperti berikut :

**LOT : 1**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
PERALATAN / PERKAKAS PEJABAT,  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**FULL HEIGHT CUPBOARD,  
FILING CABINET 4 DRAWER,  
LACI UNTUK KABINET, PINTU  
ALMARI, MEJA PEJABAT PELBAGAI  
JENIS (BESI), TRAY PAPER  
DAN TROLLEY.**

**JUMLAH PERALATAN : 44 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT :  
UNIT PUSAT STOR, SNHB, BERAKAS  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**LOT : 2**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
PERALATAN / PERKAKAS ELETRIK  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**AIR COOLER, (AIFA), HEAVY  
INDUSTRIAL STAND FAN, RANGKA &  
HANDLE MESIN SIKUT, SERVICE  
JACK 50 TON DAN JR SOD CUTTER  
12" (RYAN TEXTRON).**

**JUMLAH PERALATAN : 14 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT :  
KOMPLEK SUKAN MUMONG,  
KUALA BELAIT  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**LOT : 3**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
PERALATAN KOLAM RENANG DAN**

**PERKAKAS PEJABAT,  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**LANE LINE DAN 4 DRAWER  
FILING CABINET.**

**JUMLAH PERALATAN :  
11 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT :  
KOLAM RENANG KEBANGSAAN,  
SNHB, BERAKAS  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**LOT : 4**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
PERALATAN BENGKEL,  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**AUTOCRAFT TEST SYSTEM**

**JUMLAH PERALATAN : 1 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT :  
UNIT KENDERAAN, JABATAN BELIA  
DAN SUKAN**

**LOT : 5**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
ALAT PENGHAWA DINGIN**

**JENIS WINDOW 2HP  
(CARRIER), JENIS SPLIT 2HP  
(CARRIER)**

**JUMLAH PERALATAN : 2 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT : UNIT  
PUSAT STOR, SNHB,  
BERAKAS  
JABATAN BELIA DAN SUKAN.**

**LOT : 6**

**SENARAI KETERANGAN  
PERALATAN / PERKAKAS :  
PERALATAN ELETRIK  
DAN LOUD HAILER**

**PETI SEJUK (GEC 900 TD),  
AUTO ELETRIC KETTLE (SANYO,  
NATIONAL), MEGA PHONE LOUD**

**HAILER.**

**JUMLAH PERALATAN : 4 UNIT  
LOKASI / TEMPAT MELIHAT :  
UNIT PUSAT STOR, SNHB, BERAKAS.  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**Syarat- Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada 26 April 2017 (Rabu) bertempat di :

**Unit hasil Tingkat 4  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Borang tawaran dijual (1 set bagi Lot 1, 2, 3, 4, 5, dan 6) dengan harga BND 10.00, (wang tidak akan dikembalikan). Sila bawa bersama kad Pengenalan asal sewaktu pembelian borang tawaran.

4. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah melihat barang-barang berkenaan bermula pada 29 April 2017 (Sabtu) hingga 13 Mei 2017 (Sabtu), semasa waktu pejabat dan bertempat seperti berikut :

Lot 1 - Unit Pusat Stor, (Pg. Abdul Rahman bin Pg. Omar / +673 8630998).

Lot 2 - Kompleks Sukan Mumong (Awang Matali bin Sulong / +673 8181494)

Lot 3 - Kolam Renang Kebangsaan, SNHB. (Awang Haji Osman bin Awang Damit / +673 8747734)

Lot 4 - Unit Kenderaan. (Awang Jefri bin Haji Majid / +673 8631942)

Lot 5 - Unit Pusat Stor, SNHB. (Pg. Abdul Rahman bin Pg. Omar / +673 8630998).

Lot 6 - Unit Pusat Stor, SNHB. (Pg. Abdul Rahman bin Pg. Omar / +673 8630998).

5. Borang-borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada : Jabatan Belia dan Sukan

**Peti Tawaran, Tingkat 4  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 16 Mei 2017 (Selasa) jam 2.00 Petang.

7. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh pihak urusetia dan dikehendaki untuk membayar secara wang tunai dalam masa 24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya gagal menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan kemudian secara rasmi (Persuratan), E-mel atau dikirimitkan pesanan ringkas melalui SMS / Whatsapp. Untuk makluman lanjut bolehlah menghubungi, Unit Pusat Stor, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas atau melalui talian telefon +673 2380858 / faksimile : +673 2380858.

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau disenarai hitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa sebutharga, Jabatan Belia dan Sukan.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian akan dibatalkan (wang tidak akan dikembalikan).

11. Kelewatan memindah peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan dipertanggungjawabkan oleh pihak jabatan.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.

**UNTUK MAKLUMAN :**

**TARIKH BUKA TAWARAN :  
29 Rejab 1438 H / 26 April 2017 M**

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN :  
19 Syaaban 1438 H / 16 Mei 2017 M**

**TARIKH MELIHAT BARANG-BARANG:  
2 Syaaban 1438 H / 29 April 2017 M  
hingga 16 Syaaban 1438 H / 13 Mei 2017 M**

**(SEMASA  
WAKTU BERKERJA SAHAJA)**



**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN BAGI PENYEWaan PENEMPATAN DUA (2) BUAH  
VENDING MACHINE DI DALAM BANGUNAN IBU PEJABAT  
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

**BILANGAN TAWARAN : 02 / IMMB / 04 / 2017**

**Syarat-Syarat Tawaran**

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 4, Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar tidak lewat pada 10 Mei 2017, Rabu, jam 2.00 Petang.

Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas bolehlah menghadapkan proposal atau cadangan bagi jenis-jenis mesin dan makanan dengan menggunakan letterhead syarikat masing-masing.

Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan beserta dengan borang pengakuan penender (tender declaration), salinan pendaftaran perniagaan (business registration) juga katalog (gambar) yang berkaitan dengan tawaran.

Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN : 02 / IMMB / 04 / 2017**

**TAWARAN BAGI PENYEWaan PENEMPATAN DUA (2) BUAH  
VENDING MACHINE DI DALAM BANGUNAN IBU PEJABAT  
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

**TARIKH TUTUP : 10 MEI 2017**

Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar yuran tawaran sebanyak BND10.00 (tidak akan dikembalikan). Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bahagian Kewangan, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

Tawaran ini adalah bagi tempoh dua (2) tahun bermula dari tarikh kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :  
004 / HQ / 2017 - QM (LELONG)**

**JUALAN LELONG BAGI 903 PERKAKAS PERABOT  
KEPUNYAAN PUSAT LATIHAN POLIS, PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

**BIL. SEBUT HARGA : 004 / HQ / 2017 - QM (LELONG)**

**KETERANGAN HARTA BENDA :**

**Katil Besi Dua Tingkat - 117 Unit**

**Almari Besi Single - 101 Unit**

**Kerusi Kayu Kaki Besi - 215 Unit**

**Meja Tulis Kayu Kaki Besi - 127 Unit**

**Kerusi Plastik Kaki Besi Single (Biru) - 265 Unit**

**Kerusi Plastik Kaki Besi Panjang (Biru) - 36 Unit**

**Kerusi Plastik Kaki Besi Single - 6 Unit**

**Kerusi Pejabat - 28 Unit**

**Meja Makan Kaki Besi (Besar) - 10 Unit**

**CAJ BORANG : BND2.00**

**HARGA INDIKASI : BND300.00**

**PERHATIAN BAGI PENENDER-PENENDER :**

1. Borang tawaran bolehlah didapati di Unit Perbekalan Aras Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, semasa waktu bekerja sahaja.

2. Bayaran dokumen tawaran berharga BND2.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran bolehlah dibuat di Kaunter Pembayaran Bahagian Kewangan, Aras Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.

3. Tarikh terakhir mengambil borang pada Khamis, 11 Mei 2017.

4. Tarikh tutup menghantar borang pada 15 Mei 2017, jam 10.00 Pagi dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Tarikh melihat barang-barang lelongan ialah pada 9 hingga 11 Mei 2017 (waktu bekerja) jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**IKLAN TAWARAN  
PROJEK :**

**PELAN INSURAN KELUARGA BERKELOMPOK BAGI KEANGGOTAAN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT (3 TAHUN KONTRAK)**

**KOD PROJEK :**

**BFRD / LTK / 01 / 2017 / 2018  
TENDER FEE : BND50.00**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE  
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

b. Tawaran mestilah dihantar dalam **satu (1) salinan** berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti **nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.**

c. Tarikh tutup tawaran mengikut projek berkenaan adalah seperti berikut ialah pada **Selasa, 16 Mei 2017 tidak lewat jam 2.00 Petang.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

d. Taklimat dan Penerangan (Information Day) bagi projek ini akan diadakan pada Sabtu, 6 Mei 2017, jam 9.00 Pagi bertempat di Bilik Bahagia, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas.

e. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

i. Pembayaran - Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah (Ground Floor).

ii. Pengambilan dokumen - Ofis Pentadbiran Pengarah, Tingkat 2 (2nd Floor).

iii. Pembayaran dan pengambilan dokumen ialah pada hari-hari bekerja sahaja.

f. Pembayaran *tender fee* mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan (*not refundable*).

g. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan tajuk tawaran dan ada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan serta tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.

h. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EWAL UGAMA**

**BIL. TAWARAN :**

**KHEU / JPI / LTK / BKS / 01 /  
2017 - 2018**

**KETERANGAN :**

**Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 22  
Muatan Sebanyak 1 (Satu) Buah bagi  
Kegunaan Sekolah Ujama Penapar, Daerah  
Tutong, di bawah**

**Kawalan Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
bagi Tempoh Tiga (3) Tahun,  
Tahun 1438H - 1439H /  
2017M - 2018M**

**BAYARAN YURAN TAWARAN :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. TAWARAN :**

**KHEU / JPI / LTK / BKS / 02 /  
2017 - 2018**

**KETERANGAN :**

**Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 22  
Muatan Sebanyak 1 (Satu) Buah bagi  
Kegunaan Sekolah Ujama Kampung Bukit,  
Daerah Tutong,**

**di bawah Kawalan Jabatan Pengajian  
Islam, Kementerian Hal Ehwal  
Ugama bagi Tempoh Tiga (3) Tahun,  
Tahun 1438H - 1439H /  
2017M - 2018M**

**BAYARAN YURAN TAWARAN :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

BORANG Tawaran bolehlah diperoleh di TINGKAT 1, BAHAGIAN KEWANGAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN MENTERI BESAR,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, setelah membuat pembayaran.

Borang Tawaran yang lengkap diisi berserta salinan dokumen hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup dan ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti syarikat. Dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI**

**Lembaga Tawaran Kecil  
Tingkat 1  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Jalan Menteri Besar  
Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh tutup tidak lewat pada :  
Selasa, 28 Rejab 1438H /  
25 April 2017M,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL BORANG  
TAWARAN IALAH PADA :  
Sabtu, 25 Rejab 1438H /  
22 April 2017M,  
tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

Berikut adalah masa-masa bagi menerima pembayaran dokumen dan mengambil borang-borang tawaran :

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**



**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan kosong di dalam perkhidmatan di YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB).

**1. PENOLONG PEGAWAI**

**Kelayakan :**

i. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian ugama Islam, adat istiadat negara, adat rresam dan kebudayaan orang-orang Brunei.

iii. Mempunyai kelulusan pada tahap BDQF Level 5 (seperti Advanced Diploma atau Higher National Diploma atau yang diiktiraf sebanding dengannya) dalam bidang perdagangan dan pengurusan atau bidang-bidang lain yang bersesuaian.

iv. Boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik.

v. Berkebolehan dengan menggunakan aplikasi komputer selain dari Words dan Excel adalah satu kelebihan.

vi. Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang bersesuaian adalah satu kelebihan.

vii. Mempunyai lesen memandu Kelas 3.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon hendaklah mengisikan borang permohonan dan menyertakan keterangan peribadi (CV), salinan sijil-sijil kelulusan serta dokumen yang berkenaan dan nombor telefon yang mudah dihubungi berserta dengan gambar baharu berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada :

**Unit Pengambilan  
Bahagian Perkembangan Tenaga Manusia  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Jalan Kumbang Pasang  
Gadong, BA1511  
Negara Brunei Darussalam.**

(borang boleh dimuat turun melalui laman sesawang : [www.yshhb.org.bn](http://www.yshhb.org.bn))

\* Hanya permohonan yang memenuhi syarat iklan sahaja yang akan dihubungi. Borang permohonan hendaklah dihantar ke alamat di atas tidak lewat pada **Jumaat, 5 Mei 2017, jam 5.00 Petang.**



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BIL TAWARAN :  
(02) JBS / ADM / UP / 2017**

**Peti Sebut Harga  
Tingkat 4  
Jabatan Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Bangunan Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Simpang 336 - 17  
Jalan Kebangsaan  
Bandar Seri Begawan, BA1211  
Negara Brunei Darussalam.**

**BIL. TAWARAN KETERANGAN YURAN  
TAWARAN TARIKH TUTUP**

**(17) JBS / ADM / QC / 2015  
REPAIR WORKS TO EXISTING PUMPS  
AT NATIONAL POOL, KSNHB.  
BND5.00**

**Tarikh Tutup :  
26 April 2017 / 29 Rejab 1438  
Jam : tidak lewat jam 2.00 Petang**

**(16) JBS / ADM / QC / 2015  
REPAIR WORKS TO EXISTING PUMPS  
AND CONTROL PANEL  
AT PUSAT BELIA SWIMMING POOL,  
BANDAR SERI BEGAWAN.**

**BND5.00 3 MEI 2017**

**(18) JBS/ADM/QC/2017  
MENGENDALIKAN GERAI RAMADHAN  
BELIA (GRB 2017) BERTEMPAT  
DI KAWASAN LAPANG LETAK KERETA  
'J' DAN 'K', STADIUM NEGARA  
HASSANAL BOLKIAH  
BND5.00**

**Tarikh Tutup :  
3 Mei 2017  
Jam : tidak lewat jam 2.00 Petang**

**Cagaran : Seperti yang dinyatakan pada  
keterangan sebut harga -  
bagi setiap satu dokumen  
(tidak dikembalikan)**

**Dokumen-dokumen dan  
penerangan-penerangan yang lanjut boleh  
diperoleh di :**

Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu Menerima Bayaran  
Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**



# Kempen Kebersihan di SR Batang Mitus



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (tengah) bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), para sukarelawan dan penduduk Kampung Batang Mitus bergambar ramai sejurus bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran Sekolah Rendah Kampung Batang Mitus.

## Berita dan Foto : Sukarelawan Daerah Tutong

**TUTONG**, Jumaat, 21 April. - Sekolah Rendah Batang Mitus Daerah Tutong dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), para sukarelawan dan penduduk Kampung Batang Mitus telah mengadakan Kempen Kebersihan di

sekolah tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Majlis didahului dengan bacaan doa oleh Ustaz Shafrin bin Omar. Penghulu Mukim Kiudang selaku

Pemangku Ketua Kampung Batang Mitus, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin yang juga selaku Pengerusi Bersama kempen berkenaan dalam ucapannya menyentuh mengenai tujuan kempen diadakan iaitu sebagai inisiatif untuk menghidupkan budaya bergotong-royong dan mengeratkan silaturahmi, di samping menyatupadukan masyarakat melalui aktiviti kemasyarakatan.

Lebih 80 orang menyertai aktiviti berkenaan yang dimulakan dengan melakukan kerja-kerja membersihkan dan memotong rumput di sekitar kawasan sekolah termasuklah padang, tepi jalan dan blok sekolah secara bergotong royong.

Sebaik sahaja kerja-kerja gotong royong selesai, guru besar sekolah berkenaan, Dayang Rosmahwati binti Haji Md. Yassin, mempelawa tetamu kehormat dan para hadirin melawat

bilik-bilik darjah dan blok-blok pentadbiran sekolah berkenaan di samping sejarah dan gambar-gambar kenangan mengenai kewujudan sekolah berkenaan.

Turut hadir, Setiausaha dan Ketua Urusetia SUKA, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali; Penasihat MPK Batang Mitus Tutong, Dato Paduka Haji Mohd. Azian bin Abdullah serta Ahli-Ahli MPK, guru-guru dan penduduk kampung.

## 'Smart Nation TelBru' menerima sambutan

### Siaran Akhbar dan Foto : Telekom Brunei Berhad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 April. - Minat anak-anak muda dalam pembangunan industri ICT Brunei melalui inisiatif 'Smart Nation' Telekom Brunei Berhad (TelBru) mendapat momentum dengan jumlah pendaftaran 'boot camp' melebihi 100 pelajar dari lima buah sekolah yang telah mengendalikan Jerayawara Smart Nation TelBru sejak awal tahun ini di Kuala Belait dan Brunei Muara.

Dengan jarak usia yang berbeza dari 15 tahun sehingga ke usia awal

20an, Smart Nation boot camp mendedahkan para peserta kepada kedinamikan dan kemungkinan inisiatif ICT TelBru yang bermanfaat kepada perkongsian strategik syarikat dengan pakar-pakar antarabangsa, Kony dan LoRa Alliance yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan aplikasi mudah alih dan jarak jauh, platform tanpa wayar berkuasa rendah.

Bilangan pendaftaran setakat ini dijangka akan meningkat pada tahun ini yang memberikan

gambaran jelas terhadap bakat muda Brunei, seperti yang dijelaskan oleh Ketua Pegawai Pemasaran, Lim Ming Soon, yang menyatakan bahawa minat yang ada di dalam masyarakat muda adalah permulaan yang cerah dalam pembangunan forum teknologi Brunei iaitu satu bidang yang terus memberikan banyak kemungkinan dalam menangani cabaran-cabaran global yang memerlukan tindakan.

"Kami mengadakan misi ini untuk mendidik penggerak masa depan ICT di negara ini semata-mata kerana peranan penting yang mereka mainkan dalam membentuk Wawasan Brunei 2035. Harapan kami adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan anak-anak kita bahawa idea-idea mereka boleh dipakai ke dalam penyelesaian duniawi yang berpotensi untuk menyeberangi sempadan dan tidak terhad hanya dengan imaginasi mereka," ujarnya.

Kemunculan perkhidmatan teknologi baru yang TelBru sedang berikan kepada orang ramai terus memberi kesan di negara-negara yang telah menerima pakai teknologi berkenaan seperti Eropah, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun dan Republik Singapura yang sudah menguji konsep dan teori yang menjadi tulang belakang ICT dan di waktu yang sama melibatkan minda anak muda untuk turut serta melabur di masa depan.

Memainkan peranannya dalam merealisasikan potensi ICT Brunei secara penuh, TelBru akan meneruskan program jangkauannya dan berkembang seperti yang direncanakan oleh industri berkenaan. Mereka yang ingin menjadi sebahagian daripada revolusi perindustrian ini adalah digalakkan untuk menghubungi ibu pejabat syarikat atau melalui mana-mana platform media sosial.

## JPMC anjurkan kempen kebersihan alam sekitar



PARA pekerja JPMC dengan kerjasama Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pemulihan dan Neurosains Strok Brunei (BNSRC) dan Gleneagles JPMC bergotong-royong membersihkan kawasan pantai di Jerudong.

### Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Kesihatan Jerudong Park

**JERUDONG**, Jumaat, 21 April. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan kerjasama Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pemulihan dan Neurosains Strok Brunei (BNSRC) dan Gleneagles JPMC telah menganjurkan Kempen Kebersihan Pantai bagi sama-sama mengendalikannya inisiatif hijau yang diadakan di sepanjang pantai berhampiran empat buah pusat berkenaan.

Melihat keadaan alam sekitar yang dicemari oleh pelbagai bentuk perbuatan manusia dan alam semula jadi, ia memerlukan tindakan untuk mengembalikan kebersihan alam sekitar.

Pencemaran ialah satu masalah besar, usaha-usaha kita untuk

membersihkan alam sekitar perlu diteruskan yang setentunya akan memberikan suasana yang menyenangkan.

Menyadari akan pentingnya kebersihan alam sekitar, lebih 100 pekerja secara kolektif menghadiri kempen kebersihan tersebut yang bertujuan untuk menjadikan persekitaran yang lebih bersih di samping memupuk hubungan silaturahmi antara pekerja dan pembekal penjagaan kesihatan.

Selain itu, kempen tersebut juga merupakan sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) JPMC sebagai sumbangan kepada masyarakat dan alam sekitar.



PEMBANGUNAN industri ICT Brunei melalui inisiatif 'Smart Nation' Telekom Brunei Berhad (TelBru) mendapat sambutan dari para pelajar.

# Rombongan UNIVA Medan, Indonesia lawat UNISSA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sharif Ali



KEDUA belah pihak, UNISSA dan Universitas Al-Washliyah (UNIVA) Medan, Republik Indonesia saling bertukar cenderahati dalam lawatan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menjadi tumpuan kepada masyarakat luar negara khususnya daripada institusi pendidikan Islam untuk meninjau lebih dekat dengan mengadakan kunjungan silaturahmi ke universiti berkenaan kelmarin.

Pihak UNISSA telah menerima kunjungan daripada rombongan Universitas Al-Washliyah (UNIVA) Medan, Indonesia yang diketuai oleh Rektor universiti itu, Profesor Dr. H. Basyaruddin, MS dan dialu-alukan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Tujuan lawatan itu adalah untuk menerokai peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan yang melibatkan pakar akademik kedua universiti khususnya dalam bidang penyebaran dakwah Islam dan membanteras gerakan penyelewangan akidah selain untuk merancang kegiatan kerjasama yang melibatkan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, dan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam.

Dalam ucapan hormat, Rektor

UNIVA antara lain menjelaskan bahawa UNIVA telah didirikan pada tahun 18 Mei 1958 dan sekarang berusia 59 tahun dan penubuhannya adalah untuk melahirkan ulama dan sarjana yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia demi memelihara keselamatan agama, bangsa dan negara.

Turut menyertai rombongan UNIVA ialah Majlis Pendidikan Al-Jam'iyatul Washliyah Propinsi Sumatera Utara, Indonesia yang melibatkan seramai 24 ahli terdiri daripada para pensyarah, tenaga pengajar Institusi Pendidikan dan Ahli Korporat.

Majlis diakhiri dengan sesi dialog dan pertukaran cenderahati sebagai simbol bahawa UNISSA dan UNIVA akan terus bekerjasama dan telah menjadi rakan karib dalam bidang kajian ilmiah dan akan merancang penandatanganan memorandum persefahaman pada masa akan datang.

Turut hadir ialah Penolong Rektor UNISSA, Pegawai-Pegawai Eksekutif, Dekan-Dekan Fakulti dan Pengarah-Pengarah Pusat.

## Pelajar Sekolah Perdagangan pamer idea inovatif

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 April. - Seramai enam kumpulan pelajar Sekolah Perdagangan yang mengambil Diploma Level 5 dalam jurusan Business Studies (Keusahawanan) mengadakan pameran 'Cabaran Keusahawanan Belia' yang berlangsung di Lobi Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Pameran 'Cabaran Usahawan Belia' memaparkan prototaip pelajar di bawah modul pengkhususan - Perancangan Usaha Niaga Baharu.

Pameran itu merupakan satu peluang kepada pelajar untuk mempamerkan idea-idea inovatif mereka dan dalam masa yang sama sebagai pendedahan kepada pihak awam dalam mencapai pengesahan pasaran.

Antara matlamat dan objektif simposium itu ialah untuk berkomunikasi dan mengesahkan produk atau perkhidmatan prototaip pelajar serta meyakinkan para juri akan potensi pasaran idea perniagaan mereka.



ENAM kumpulan pelajar Sekolah Perdagangan yang mengambil Diploma Level 5 dalam jurusan Business Studies (Keusahawanan) mengadakan satu pameran 'Cabaran Keusahawanan Belia' (Youth Entrepreneurship Challenge) berlangsung di Lobi Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping.

## Derma melalui Projek Fastabiqul Khairat

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 April. - Bulan suci Ramadan kini hampir menjelang, tiba

masa untuk berkongsi dan memberi kepada mereka yang kurang bernasib baik.



**PENYERAHAN** sumbangan diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli (kanan) kepada Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (kiri).

Sehubungan itu, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sebagai sebahagian daripada CSR dan menyokong usaha-usaha Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Khidmat Masyarakat telah mengumpul derma dalam bentuk barangan makanan asas dari tujuh kampus di seluruh negara.

Melalui Projek Fastabiqul Khairat, sumbangan tersebut akan diberikan kepada anak-anak yatim di bawah Kementerian Pendidikan untuk persediaan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438.

Menurut Siaran Akhbar IBTE, penyerahan sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli kepada Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan yang berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kampung Lambak Kanan.

Bahagian Kokurikulum juga telah menerima sumbangan dari pelbagai jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan dari sekolah-sekolah serta orang ramai.



SALAH satu petak pameran 'Cabaran Usahawan Belia' mempamerkan prototaip pelajar di bawah modul pengkhususan - Perancangan Usaha Niaga Baharu.



BERJAYA sampai ke Everest Base Camp (EBC) pada jam 2.00 petang waktu tempatan bersamaan jam 4.00 petang waktu Brunei pada 23 Februari 2017 (gambar atas), sementara gambar bawah adalah kumpulan wanita AFE Expedition 2016.



**A**PAKAH gelaran yang sesuai diberikan kepada wanita yang bertubuh kecil ini? Walau apapun jolokan yang diberikan kepada Pengiran Nor Ikhsan binti Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokther Puteh, Pengurus Perhubungan Awam di Gleneagles JPMC Cardiac Centre, beliau telah membuktikan kemampuan kaum Hawa untuk menawan Everest Base Camp (EBC) walaupun dalam usia 53 tahun.

Dengan kecekalan, kesungguhan dan disiplin yang tinggi, beliau melakukannya pada 23 Februari 2017 lalu bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33 tahun sebagai tanda kasih dan cintanya kepada Negara Brunei Darussalam (NBD). Ianya merupakan anugerah terindah yang dihadiahkan untuk tanah air tercinta. Pendakian berkenaan melibatkan dua pendaki Negara Brunei Darussalam iaitu Pengiran Khasiem bin Pengiran Hassan selaku ketua dan jurulatih pasukan dan Awang Jasmein bin Haji Mohd. Said.

Mendaki Gunung Everest bukanlah semudah yang disangkakan. Melihat kepada banyaknya korban nyawa yang berlaku semasa pendakian ke puncak tertinggi di dunia itu. Pendakian Gunung Everest dikatakan pendakian yang paling mencabar dan paling sukar. Suhu paling sejuk yang pernah dicatatkan adalah di bawah 14 degree celsius.

Pelbagai rintangan yang telah dilalui oleh tiga pengembara dari Negara Brunei Darussalam yang mengikuti kumpulan seramai 11 orang pendaki iaitu tiga orang dari Negara Brunei Darussalam, seorang dari Amerika Syarikat, dua orang dari United Kingdom, tiga orang dari Australia, seorang dari Kanada dan seorang dari Afrika Selatan. Kumpulan ini memulakan

ekspedisi trekking mereka secara berterusan yang mengambil masa enam ke tujuh jam dan tiba di Lukla, di Utara-Timur Nepal iaitu 2,860 meter di rantau Himalaya pada 16 Februari 2017.

Antara cabaran yang sangat sukar dilalui adalah keadaan cuaca sejuk yang mencecah di bawah 17 darjah celsius beserta dengan angin dingin di musim sejuk. Bagi kumpulan ini mereka tidak menghadapi masalah AMS dan masalah kegyatan ketinggian semasa pendakian.

#### PERSIAPAN

Aktiviti mendaki, camping dan aktiviti luar adalah merupakan hobi beliau. Trekking ke Everest Base Camp adalah impian dan juga pendaki-pendaki yang lainnya. Antara latihan yang beliau lakukan sebelum ke EBC, ialah beliau telah mendaki empat gunung selama tiga hari dua malam di Indonesia dan latihan sebenar untuk persediaan ke EBC bermula pada bulan April 2015. Sejak bergiat dalam pendakian pada bulan April 2015, Pengiran Nor Ikhsan sudah berjaya mendaki 18 gunung termasuk Gunung Kinabalu yang didaki semasa masih dalam zaman persekolahan lagi.

Beliau juga giat membuat latihan setiap hujung minggu di Bukit Shahbandar, Tasek Lama, Bukit Serubing dan tidak ketinggalan trekking di Daerah Temburong, di samping melakukan *core training* secara persendirian dengan melakukan *squats, planks, breathing exercises* dan lain-lain.

Semasa berada di Kathmandu pasukan pendakian berkenaan di bawah pengawasan dan bimbingan The Himalayan Wonders, Jurupandu Ishwor Bhantan dan Penolong Jurupandu Chhiring Dorji. Bagi pasukan NBD pula adalah di bawah latihan dan penjagaan Pengiran Khasiem bin Pengiran Hassan, yang juga pernah ke EBC pada tahun 2010 bersama rombongan Persatuan Catur Negara Brunei Darussalam. Menurut Pengiran Nor Ikhsan, Pengiran Khasiem telah melatih beliau

# Wanita Brunei tawan Everest Base Camp

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

Foto : Pengiran Nor Ikhsan binti Pengiran Jaya Indera  
Pengiran Haji Mokther Puteh

sehingga dapat memasuki kumpulan "ASEAN Friendship Expedition" yang dianggotai oleh pendaki-pendaki dari NBD, Republik Indonesia, Negara Thailand, Filipina dan Malaysia. Setiap tahun mereka akan berkumpul di Daerah Jawa Indonesia untuk melakukan pendakian enam buah gunung dalam masa enam hari di Indonesia.

#### PEMANGKIN SEMANGAT

Ahli keluarga dan kawan-kawan yang memiliki hobi yang sama adalah mereka yang banyak memberikan dorongan kepada ahli pendaki ini. Menurut Pengiran Nor Ikhsan ada beberapa perkara yang tidak akan pernah luput dari ingatannya. Semasa berada di Lukla, Pengiran Khasiem bin Pengiran Hassan menghadapi masalah kesihatan tapi masih dapat bertahan sehingga sampai ke Dingboche. Walau bagaimanapun beliau terpaksa di terangkan ke Kathmandu dalam keadaan kritikal. Tinggallah beliau bersama Awang Jasmein bin Haji Mohd Said tetapi apabila tiba di Lobuche, Awang Jasmein pula telah jatuh sakit dalam situasi yang amat membimbangkan di saat-saat terakhir pendakian ke EBC.

Walaupun dalam keadaan sakit, beliau tetap memberikan dorongan semangat kepada beliau untuk menuruskan perjalanan ke EBC dan menyerahkan bendera negara untuk dikibarkan sesudah sampai di EBC nanti. Awang Jasmein bin Haji Mohd Said juga semasa berada di Tukla telah dapat memecahkan rekod catatan peribadi beliau mendaki ketinggian 5000 meter atas dasar laut.

"Saya menyambutnya dengan semangat juang yang kental dan sedaya upaya mengekang kesedihan dan kebimbangan memandangkan hanya saya seorang sahaja peserta yang masih tinggal dari NBD tambahan lagi seorang perempuan," katanya.

"Dengan keadaan cuaca musim sejuk di bawah 17 darjah celsius ditambah lagi dengan tiupan angin dingin saya bertawakal dan membayangkan berzikir mengingati Allah dan

bersalawat memohon syafaat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di sepanjang pendakian saya. Alhamdulillah akhirnya pada 23 Februari 2017 tepat pada jam 4.00 petang waktu Brunei berkibarlah bendera Negara Brunei Darussalam di Everest Base Camp dengan megahnya," jelas beliau dengan perasaan sebak. "Saya telah diberikan penghormatan dari Ketua Jurupandu, Ishwor Bhantan untuk mengisytiharkan kepada ahli pasukan yang lain bahawa kami sudah sampai di Everest Base Camp."

Kejayaan ini telah sekurang-kurangnya membuktikan bahawa bangsa Brunei terutamanya kaum Hawa walaupun pada fizikalnya dikurniakan dengan sifat lemah lembut tetapi juga berkemampuan untuk melakukan aktiviti lasak seganding dengan kaum Adam.

Semasa berada di EBC adalah detik yang sukar diungkapkan dengan kata-kata. Beliau amat teruja melihat keindahan panorama ciptaan Allah yang selama ini beliau tatap melalui gambar dan media sosial. "Begitu besarnya kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, pencipta alam semesta, hanya puji-pujian kepada Sang Pencipta yang terucap," kata beliau. Jika ada peluang beliau berhasrat mengembara di tempat lain lagi di pergunungan Himalaya

"InsyaaAllah jika kesihatan mengizinkan misi kami seterusnya ialah ke Pantagonia, Argentina pada tahun 2018 yang akan memakan masa lebih kurang selama 15 hari," ujar beliau lagi mengakhiri temu bual bersama penulis.

Pendakian bukan setakat menguji kekuatan mental dan fizikal malahan emosi dan keseluruhan jiwa dan raga. Tanpa semangat dan kekuatan serta keberanian seseorang itu tidak akan mampu untuk mencapai impiannya menaiki pergunungan. Niat misi pendakian hendaklah disertai dengan keikhlasan kerana Allah bukan semata-mata untuk mencipta nama.



Wakil dari Negara Brunei Darussalam yang menyertai 'ASEAN Friendship Expedition 2016'.



MEMULAKAN perjalanan ke EBC.



GUNUNG Merapi di Indonesia antara gunung yang turut menjadi tempat bagi sesi latihan.

# PMP pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hamzah Mohidin



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad, semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bersama para penduduk Mukim Kilanas.

**KILANAS**, Khamis, 20 April. - Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan baik dua hala di antara pihak kerajaan dan penduduk mukim, Jabatan Penerangan mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Kilanas Tahun 2017.

Program muzakarah yang berlangsung di Dewan

Kemasyarakatan Mukim Kilanas itu dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Awang Mawardi dalam ucapannya bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Lambak Kanan Peringkat 1 pada 15 Februari 1992.

Menurutnya, baginda bertitah bahawa kerajaan dengan cara yang berterusan akan tetap memberikan apa jua keutamaan bagi kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat serta penduduk di negara ini, khusus dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kemudahan dan keperluan asas mereka.

Beliau berkata, PMP yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan mula diperkenalkan semula setelah dibangkitkan dalam Mesyuarat Pertama Musim Pemesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat.

"Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Penerangan selaku lidah, mata dan telinga kerajaan; menerusi PMP ini, maklumat-maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan dapat diperjelaskan dan dikongsikan bersama, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan," ujarnya.

Selain itu, tambahnya, program itu juga menjadi pemudah cara bagi

penduduk mukim dan kampung untuk menyampaikan pandangan atau isu-isu permasalahan yang dihadapi dan pada masa yang sama untuk mendapat jawapan atau penjelasan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Di samping itu jelasnya, ia dapat memperlihatkan betapa sikap prihatin dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah DYMM.

Beliau seterusnya berkata, melalui wadah itu jelas kelihatan hubungan baik di antara pihak kerajaan dengan masyarakat mukim dan kampung akan terjalin serta mewujudkan kemakmuran dan keharmonian penduduk mukim serta kampung demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Dalam pada itu, beliau juga berharap agar apa jua ulasan dan penerangan daripada pihak agensi yang berkaitan tentang rancangan kerajaan akan diterima dengan baik serta akan dapat menangani dan mengatasi segala isu-isu permasalahan serta sungutan

penduduk mukim dan kampung.

Ahli-ahli panel program muzakarah tersebut terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penolong-penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Turut hadir, Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan.

PMP diharap akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin di antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim.

Menerusi program tersebut, ia memberi peluang kepada penduduk mukim untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan.

Dalam masa yang sama, pihak berkenaan juga dapat memberikan penerangan dan penjelasan kepada penduduk mukim mengenai isu-isu yang dibangkitkan.



SEBAHAGIAN daripada penduduk kampung di bawah Mukim Kilanas yang hadir pada muzakarah tersebut.



AHLI-AHLI panel Program Muzakarah Penerangan (PMP) yang terdiri daripada wakil dari jabatan-jabatan kerajaan.

## BSP berusaha tingkatkan kecekapan syarikat

Siaran Akhbar dan Foto :  
Syarikat Minyak Brunei Shell

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 April. - Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) sedang merangsang usaha yang lebih menarik untuk meningkatkan kecekapan, menghapuskan sisa dan menjadikannya lebih produktif dan selamat.

Persekitaran harga minyak semasa yang rendah turut mencabar industri pada skala global, bagaimanapun, BSP menyifatkan bahawa persekitaran harga minyak yang rendah juga merupakan satu peluang untuk memperbaiki dan menjadi syarikat BSP yang lebih kompetitif.

Bagi mendokong strategi syarikat itu, *Line in the Sand: Fit for the Future* di seluruh organisasi, pasukan interdisiplin antara jabatan telah dibentuk dan, dengan kerjasama rapat bersama rakan kongsi perniagaannya, BSP semakin menerima cabaran.

Usaha-usaha peningkatan bersepadu dan pemikiran kreatif ini telah membawa BSP kepada peningkatan dari segi kecekapan, menjadikan BSP semakin matang menghadapi masa depan. Penjimatan kos telah dapat dicapai dengan peningkatan produktiviti, ini bermakna pencapaian meningkat melalui sumber yang sama, tiada impak terhadap pekerjaan dan kontrak.

*Fit for the Future* semuanya tentang apa yang BSP perlu lakukan

sekarang, untuk memastikan inilah masanya untuk generasi akan datang 'Mengisi Masa Depan Brunei'. Banyak yang dapat dilakukan melalui mereka yang berfikiran inovatif, fokus, kerjasama rapat dan bersemangat serta bertekad," kata Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell.

Satu contoh baru-baru ini adalah di dalam operasi *wireline* di mana BSP telah berjaya menukarkan di satu unit *wireline* darat dan satu unit *wireline* luar pesisir dalam operasinya 24 jam.

Keputusan awal menunjukkan produktiviti krew *wireline* meningkat lebih daripada 300 peratus dengan pengurangan kos sebanyak lebih daripada 50 peratus dan mengedarkan lebih banyak tong minyak daripada yang dirancang jika pasukan itu meneruskan operasi 12 jam. Kontraktor yang terlibat adalah SC Oilfields & Logistics Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat tempatan Brunei dengan tenaga kerja seramai 90 peratus anak tempatan, ini bermaksud bahawa pencapaian ini dihasilkan oleh rakyat Brunei tempatan.

"Saya amat berbangga dengan tumpuan dan usaha yang berterusan oleh pasukan bersepadu dari Wells, Operasi Pengeluaran, Perancangan, Kejuruteraan Petroleum, HSE, Logistik dan bersama-sama dengan kontraktor kami. Selain menyampaikan skop dengan selamat,

semua ini telah dilakukan dengan menyelaraskan sumber-sumber yang sedia ada dan tanpa perbelanjaan tambahan," tambah Dr. Ceri Powell.

Pasukan itu kini memantau operasi 24 jam bagi kelestarian dan bagi memahami bagaimana untuk mengulanginya lagi.

Ini adalah masa yang menarik dan dengan keseluruhan pasukan BSP secara proaktif mencari untuk memperbaiki lagi apa yang telah mereka lakukan, kami menjangkakan lebih banyak kejayaan seperti ini pada masa akan datang, jelasnya.

*Wireline* menggunakan wayar kili

untuk mendapatkan akses jauh ke dalam perigi. Teknik ini digunakan untuk mengambil ukuran dalam yang baik, untuk membuka atau menutup zon menghasilkan yang berbeza dan juga untuk menambah atau membuang peralatan dalam telaga pengeluaran untuk meningkatkan pengeluaran.



ANTARA ahli krew *Wireline* yang telah berjaya menukarkan di satu unit *wireline* darat dan satu unit *wireline* luar pesisir dalam operasinya 24 jam.



# Peristiwa Israk dan Mikraj penuh pengajaran

ke Masjidil Aqsa di Palestin dan telah dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha.

Israk dan Mikraj merupakan satu mukjizat yang tidak dikurniakan kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul yang lain sebelum Baginda. Israk dan Mikraj adalah peristiwa agung yang penuh pengajaran dan iktibar kerana dalam peristiwa inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diperlihatkan banyak kejadian aneh dan ganjil yang menunjukkan perilaku manusia berserta balasan yang mereka terima terhadap perbuatan yang mereka lakukan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa, ayat 1 :

**Tafsirnya :** "Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitul Muqaddis di Palestin), yang kami berkati sekeliling supaya kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Sesungguhnya dalam peristiwa Israk dan Mikraj terdapat banyak hikmah dan pengajaran di dalamnya untuk direnungi dan dihayati serta dijadikan iktibar untuk meningkatkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya ialah kita boleh mengambil pengajaran daripada satu peristiwa di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perihal seorang lelaki yang sedang memikul barang yang tidak mampu untuk dipikulnya, namun lelaki tersebut masih ingin menambah pikulannya itu dengan memasukkan barang-barang lain, Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bertanya tentang perihal orang itu, lalu Jibril Alaihissalam pun menjawab : ia adalah orang yang suka membawa amanah meskipun ia tidak sanggup untuk menunaikannya, namun begitu ia masih juga mahu menambah dengan amanah yang baharu. Sesungguhnya dalam agama Islam, amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang ringan dan mudah, kita hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab, ayat 72:

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya kami pernah mengemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakan dan manusia pula sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah sangat zalim lagi jahil."

Perlu diingat, setiap urusan itu adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hambahamab-Nya, kita hendaklah menyerahkan setiap amanah kepada orang yang berhak dan layak menerimanya, ramai orang yang berlumba-lumba untuk mengejar keduniaan sehinggakan amanah yang sepatutnya dilaksanakan itu diabaikan dan dicitai. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi peringatan kepada umatnya bahawa hilangnya sifat amanah dalam masyarakat merupakan di antara tanda-tanda kecil berlakunya hari kiamat. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh imam Bukhari.

Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu mengatakan : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Jika amanah telah disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi, ada seorang sahabat bertanya : Bagaimana maksud disia-siakan? Nabi menjawab : Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu."

Perlu diketahui, amanah itu adalah terlalu luas, ia meliputi agama, kewajipan syarak, kepimpinan, pekerjaan seperti pentadbiran, perniagaan dan sebagainya. Setiap orang mestilah menunaikan amanah-amanah ini dengan sempurna. Sesungguhnya pekerjaan adalah satu amanah besar yang mesti ditunaikan tanpa mengira apa jua bentuk pekerjaannya asalkan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Seorang pemimpin dan majikan sudah tentu inginkan pekerjaanya bersikap amanah. Oleh itu, sifat amanah perlu

diterapkan dan dipraktikkan. Orang atasan perlu memberi teladan yang baik kepada orang bawahan mereka, dengan itu sifat amanah akan menular dalam diri mereka. Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang telah diberikan, jika kita menjaga dan menaani amanah yang diberikan, ia akan mendorong kita melakukan pekerjaan dengan tekun dan dedikasi dengan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan fikiran. Segala tuntutan kerja akan dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab serta bersungguh-sungguh. Dalam menjaga amanah dalam pekerjaan, beberapa perkara perlu kita titikberatkan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, judi, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Kita perlu melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.

Marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil iktibar dari peristiwa Israk dan Mikraj agar dapat menguatkan dan meningkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memahami betapa pentingnya sifat amanah dalam kehidupan kita. Tanamkanlah sifat amanah dalam setiap keadaan, baik dalam keluarga, pekerjaan dan masyarakat. Sedarlah bahawa iman seseorang mukmin itu akan bertambah sekiranya segala amanah itu dipikul dengan jujur dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita akan sentiasa mendapat hidayah dan petunjuk ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta selamat di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An Nisaa', ayat 58 :

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

**MARILAH** kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya setiap Rasul yang diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala dikurniakan dengan berbagai-bagai mukjizat sebagai bukti kerasulannya. Begitu juga dengan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah kitab suci Al-Quran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bahawa tidak ada siapa yang mampu untuk merubah isi kandungan di dalamnya walau sedikit pun. Selepas kitab suci Al-Quran, peristiwa Israk Mikraj adalah satu mukjizat agung yang dialami sendiri oleh Baginda di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram Mekah

**'DALAM menjaga amanah dalam pekerjaan, beberapa perkara perlu kita titikberatkan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, judi, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Kita perlu melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.'**

## Halusi pengetahuan agama melalui Skim Bimbingan Lanjutan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Rabu, 19 April. - Seramai 21 peserta Skim Bimbingan Lanjutan (1) Saudara-saudara Baharu menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup skim berkenaan yang diadakan di Bilik Mau'izzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan ialah Ketua Unit Dakwah Khas, Bahagian Pengembangan Dakwah, PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup.

Skim Bimbingan Lanjutan (1) Saudara-saudara Baharu yang bermula dari 6 hingga 19 April 2017 itu diadakan antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan agama peserta-peserta terutama dalam bidang ibadat

sembahyang.

Di samping itu, untuk melatih dan membolehkan para peserta mengepalai majlis-majlis dan kegiatan-kegiatan keagamaan seperti menjadi imam sembahyang fardu, mengepalai tahlil, doa selamat dan seumpamanya.

Selain itu, menerusi skim bimbingan berkenaan juga para peserta diberikan sedikit pendedahan mengenai dakwah dan metod-metodnya, khususnya dakwah kepada orang-orang yang belum beragama Islam.

**KETUA** Unit Dakwah Khas, Bahagian Pengembangan Dakwah, PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil berkenaan.



# Bengkel Intensif Bacaan bagi Pegawai Masjid



TENAGA pengajar bengkel, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Malik (kiri).

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Rabu, 19 April. - Ke arah meningkatkan lagi kualiti dan profesionalisme para Imam dan Bilal di negara ini, bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa mengadakan pelbagai kursus, bengkel mahupun latihan kepada para Imam, Bilal serta Marbut di seluruh negara.

Salah satu pendekatan yang diambil ialah dengan mengadakan Bengkel Intensif Bacaan, khusus bagi pegawai-pegawai masjid yang terpilih yang juga diadakan di Daerah Temburong.

Pengendalian bengkel intensif secara berkala ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu bacaan di kalangan para pegawai masjid sama ada dari segi makhraj al-huruf mahupun fasahah, meningkatkan hafalan dan menghalusi Aqwal wal Af'al atau bacaan-bacaan dan perbuatan dalam solat, taranum bil Quran, penyampaian khutbah yang berkesan dan sebagainya.

Tenaga pengajar bengkel, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Malik menerangkan bengkel ini diadakan bertujuan untuk

membimbing pegawai-pegawai masjid sama ada imam atau bilal mengenalpasti serta menangani apa jua kelemahan agar setiap pegawai masjid memiliki kemahiran terbaik di dalam bacaan-bacaan dalam sembahyang serta doa-doa, serta membiasakan diri mereka dengan bacaan bertarunum dengan baik.

Menurutnya lagi antara yang diperhalusi ialah bacaan surah Al-Fatihah termasuk mengikut lagu-lagu yang terkenal yang digunakan di Mekah dan Madinah, Azan, doa-doa dan bacaan-bacaan dalam solat.

Sementara itu, salah seorang bilal yang mengikuti bengkel ini, Awang Khiorlizan bin Ibrahim, bilal Masjid Kampung Selangan yang sudah 3 tahun menjadi seorang bilal merasakan bengkel yang diikuti ini sangat relevan untuknya serta pegawai masjid yang lain.

Bengkel ini tambahnya amat berguna terutama bagi mentasmiq, memperbaiki serta menghalusi lagi kekurangan-kekurangan pada bacaannya tatkala beliau melaksanakan tugas harian sebagai seorang bilal.

## Pengajian Kitab Fathul Mu'in tingkat kredibiliti Imam, Bilal



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Aynor bin Haji Mohammad Yaakub selaku tenaga pengajar pengajian ketika mengendalikan Pengajian Kitab Fathul Mu'in khusus bagi Pegawai-Pegawai Masjid di Masjid Kampung Puni, Temburong.

TEMBURONG, Rabu, 19 April. - Ketokohan para Imam sebagai pemimpin masyarakat tidak dapat dinafikan, kerana peranan besar mereka di negara ini bukan setakat menjadi pemimpin dalam ibadat solat di masjid semata-mata,

Sehubungan itu, dalam usaha berterusan memberikan pengetahuan dan kefahaman yang lebih terperinci, khususnya dalam perbincangan dan perbincangan mengenai hukum-hukum fiqeh, Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada setiap hari Rabu mengadakan Pengajian Kitab Fathul Mu'in khusus bagi Pegawai-Pegawai Masjid yang terdiri daripada seramai 20 orang Imam dan Bilal di Daerah Temburong, bertempat di Masjid Kampung Puni, di sini.

Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti para Imam dan Bilal. Pegawai HalEhwal Masjid, Awang Haji Aynor bin Haji Mohammad Yaakub selaku tenaga pengajar pengajian antara lain menerangkan, peranan besar seorang Imam sebagai pemimpin yang berakhlak tinggi dan disegani menjadi

contoh teladan terbaik atau *role model* kepada masyarakat.

Tambahnya Kitab Fathul Mu'in ini dipilih untuk diajarkan kepada para pegawai masjid memandangkan inti patinya menghuraikan segala permasalahan secara khusus dan terperinci, dan pengetahuan sebegini amat penting untuk dimiliki para pegawai masjid tatkala berhadapan dengan pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat.

Sementara itu, Imam Masjid Kampung Selangan yang juga Ketua Kawasan 2, Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Mahdini bin Kamis, melahirkan rasa syukur kerana sepanjang beliau dan Pegawai-Pegawai Masjid lainnya mengikuti pengajian Kitab Fathul Mu'in setiap minggu, banyak ilmu pengetahuan yang diperolehi dan akan diaplikasikan serta dikongsikan kepada para jemaah dan masyarakat kampung di mana mereka bertugas.

Sementara itu, bagi Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok, Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli, berkata selama

beliau mengikuti pembelajaran menerusi bengkel ini, banyak ilmu pengetahuan yang baru telah dipelajarinya. Beliau juga berazam untuk mengamalkan segala yang dipelajarinya selain dapat dikongsikan dengan jemaah masjid.



IMAM Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok, Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli.

## Mesyuarat penyelarasan Piala Elit Remaja Bawah 16 NFABD

Siaran Akhbar :  
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 April. - Jurulatih pasukan Piala Elit Remaja Bawah 16 NFABD menghadiri mesyuarat penyelarasan untuk membincang penyelesaian pemain dan menyaksikan cabutan kejohanan hari ini.

Kejohanan 11 sepasukan yang diadakan untuk tahun kedua akan bermula pada 28 April dan dijangka berakhir pada 29 Julai.

Selain daripada penyelesaian pemain dan cabutan kejohanan, pengurus juga membincang antara satu sama lain tentang warna kit dan perkara-perkara pertandingan lain.

Tabuan 'A' dan Projek Ikan Pusu (PIP) adalah dua pasukan pilihan menurut kedudukan mereka di Liga Remaja Bawah-16 NFABD dan diletakkan di Periuk A untuk memastikan mereka tidak bertemu dalam kumpulan peringkat.

Pasukan pilihan lain, Rimba Star dan Bang Dalam FC, di tempat ketiga dan keempat di Liga Remaja Bawah 16 NFABD dan diletakkan di dalam Periuk B.

Tabuan 'A' dicabut dalam Kumpulan A dengan Bang Dalam, Tabuan 'B', Kilanas FC dan team *non-league* Murai Jr. FC. Kumpulan B terdiri daripada PIP, Rimba Star, BTC Red Star, Besa FC, Tabuan 'C' dan Parma Jr. FC.

Perlawanan peringkat kumpulan akan diadakan di Padang Astro Turf NFABD, Kompleks Sukan Sungai Kebun Padang A dan B dan Padang Kemasyarakatan Bengkurong manakala Kompleks Sukan Berakas dan Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkihah akan menjadi tuan rumah untuk perlawanan separuh akhir dan akhir.

NFABD berharap kejohanan ini akan membantu mencungkil bakat-bakat baru untuk pasukan kumpulan umur negara.

"Pemain-pemain terbaik akan diserap ke dalam Tabuan 'A', 'B' dan 'C' - jadi saya berharap semua pemain dapat menunjukkan prestasi yang baik dan memperbaiki dari masa ke semasa," kata Pemangku Pengarah Pertandingan NFABD Haji Md. Noor Haji Hamid.

"Komitmen adalah sangat penting untuk membangunkan bolasepak di peringkat akar umbi, dan akar umbi adalah sangat penting dalam bolasepak."



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Aynor bin Haji Mohammad Yaakub.



IMAM Masjid Kampung Selangan yang juga Ketua Kawasan 2, Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Mahdini bin Kamis.

# Pasukan kebangsaan bakal beraksi dalam kejohanan AFC

AFC U-19 CHAMPIONSHIP 2018									
WEST ZONE					EAST ZONE				
GROUP A	GROUP B	GROUP C	GROUP D	GROUP E	GROUP F	GROUP G	GROUP H	GROUP I	GROUP J
A1 SAUDI ARABIA	B1 UZBEKISTAN	C1 IRAQ	D1 SAUDI ARABIA	E1 IR IRAN	F1 KOREA REP.	G1 CHINA PR	H1 VIETNAM	I1 JAPAN	J1 AUSTRALIA
A2 UAE	B2 TAJIKISTAN	C2 QATAR	D2 YEMEN	E2 PALESTINE	F2 MALAYSIA	G2 MYANMAR	H2 LAOS	I2 THAILAND	J2 DPR KOREA
A3 OMAN	B3 BANGLADESH	C3 LEBANON	D3 TURKMENISTAN	E3 JORDAN	F3 TIMOR-LESTE	G3 PHILIPPINES	H3 CHINESE TAIPEI	I3 SINGAPORE	J3 HONG KONG
A4 NEPAL	B4 SRI LANKA	C4 AFGHANISTAN	D4 INDIA	E4 SYRIA	F4 BRUNEI DS	G4 CAMBODIA	H4 MACAU	I4 MONGOLIA	J4 NORTH MARIANA ISLANDS
A5 KYRGYZ REP.	B5 MALDIVES				F5 INDONESIA				

AFC U-16 CHAMPIONSHIP 2018									
WEST ZONE					EAST ZONE				
GROUP A	GROUP B	GROUP C	GROUP D	GROUP E	GROUP F	GROUP G	GROUP H	GROUP I	GROUP J
A1 UZBEKISTAN	B1 OMAN	C1 IR IRAN	D1 IRAQ	E1 UAE	F1 DPR KOREA	G1 THAILAND	H1 KOREA REP.	I1 VIETNAM	J1 JAPAN
A2 SAUDI ARABIA	B2 TAJIKISTAN	C2 KYRGYZ REP.	D2 INDIA	E2 YEMEN	F2 HONG KONG	G2 LAOS	H2 CHINA PR	I2 AUSTRALIA	J2 MALAYSIA
A3 JORDAN	B3 SYRIA	C3 AFGHANISTAN	D3 PALESTINE	E3 QATAR	F3 CHINESE TAIPEI	G3 TIMOR-LESTE	H3 MYANMAR	I3 MONGOLIA	J3 SINGAPORE
A4 SAUDI ARABIA	B4 TURKMENISTAN	C4 LEBANON	D4 NEPAL	E4 BANGLADESH	F4 MACAU	G4 NORTHERN MARIANA ISLANDS	H4 PHILIPPINES	I4 CAMBODIA	J4 GUAM
A5 SRI LANKA	B5 MALDIVES	C5 BHUTAN			F5 BRUNEI DS				

## Siaran Akhbar : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 April. - Skuad Bola Sepak Negara Darussalam telah mengetahui lawan masing-masing bagi dua perlawanan kelayakan peringkat umur serantau hari ini.

Pasukan Kebangsaan Bawah 18, akan bersaing dalam pusingan kelayakan Kejohanan Konfederasi Bola Sepak (AFC) Bawah 19, serta akan menentang tuan rumah Korea Selatan, Malaysia, Indonesia dan Timor Leste dari 31 Oktober sehingga 8 November pada tahun 2019 nanti.

Sementara pasukan negara Bawah 15 pula, akan bersaing dalam pusingan kelayakan untuk Kejohanan AFC Bawah 16, 2019. Pasukan negara akan menentang Korea Utara, Hong Kong, Taiwan dan Macau pada perlawanan yang akan bermula pada 16 hingga 24 September, namun tuan rumah untuk pusingan kelayakan tersebut masih belum diputuskan.

Cabutan untuk pertandingan kelayakan sebelum kedua-dua kejohanan dwitahunan itu dibuat di AFC House di Kuala Lumpur hari ini.

Dalam kedua-dua pertandingan kelayakan, pemenang dari 10 kumpulan dan lima pasukan tempat kedua terbaik akan mara ke kejohanan bersama dengan negara tuan rumah.

Empat pasukan terbaik dalam Kategori Kejohanan AFC Bawah 19 dan Kejohanan AFC Bawah 16 akan layak ke Piala Dunia FIFA Bawah

20 tahun 2019 dan Piala Dunia FIFA Bawah 17 tahun 2019 sebagai wakil AFC.

Pasukan negara Bawah 18, atau Tabuan Muda 'A', adalah pasukan yang bermain dalam Liga Super DST tahun ini di bawah kendalian Jurulatih Kebangsaan, Takao Fujiwara.

"Semua pasukan dalam kumpulan kami hampir sama, jadi saya tidak boleh mengatakan bahawa ia adalah cabutan yang baik atau buruk. Kami akan cuba yang terbaik," kata Fujiwara.

Pasukan Bawah 15, atau Tabuan 'A', diketuai oleh Stephen Ng dan kini menduduki tangga teratas Liga Remaja Bawah 16 Persatuan Kebangsaan Bola Sepak Brunei Darussalam (NFABD).

"Kami berkerja keras untuk menghasilkan persembahan yang baik, kerana persembahan yang baik akan menghasilkan keputusan yang baik," kata Ng.

Sebanyak 45 negara menyertai cabutan untuk pusingan kelayakan Kejohanan AFC Bawah 19 manakala 43 ahli persatuan AFC menyertai cabutan untuk pusingan kelayakan untuk Kejohanan AFC Bawah 16.

Jepun, juara bertahan Kejohanan AFC Bawah 19, menewaskan Arab Saudi 5 - 3 menerusi sepakan penalti dalam kejohanan tahun lepas di Bahrain. Manakala, Iraq memenangi Kejohanan AFC Bawah 16 tahun lepas selepas menewaskan Iran 4 - 3 menerusi sepakan penalti di India.

## Arbisyam FC unggul Kumpulan 1 Liga Futsal

Berita dan Foto oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BERAKAS,** Jumaat, 21 April. - Pasukan Arbisyam FC berjaya mendahului kedudukan di tangga teratas dalam Kumpulan 1 setelah berjaya mengumpul enam mata penuh berikutan dua kemenangan pada perlawanan Liga Futsal Brunei 2017 yang bermula 16 April lalu.

Setelah membelasah Pasukan Shah United sebelum ini, Arbisyam FC sekali lagi mempamerkan aksi perlawanan hebat di gelanggang apabila berjaya membenamkan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan jaringan berkesudahan 5 - 1 di perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas, di sini.

Perlawanan malam tadi

menyaksikan pendahulu liga Kumpulan 1 tersebut berpesta gol apabila pemain Pasukan Arbisyam FC, Awang Syazwan Haji Hassan beraksi cemerlang setelah berjaya menjaringkan dua gol di perlawanan tersebut sebelum Awang Mohd. Hamiduddin Haji Talip, Awang Muhammad Ali Qadhry dan Awang Abee Shahrudin Gudang masing-masing menjaringkan sebilangan gol.

Manakala gol tunggal Pasukan MS ABDB pula dijaringkan oleh SLD Muhammad Aqqimul.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan Pasukan Rizfiz FT menentang Pasukan Brunei U20, manakala Pasukan Najip FT pula akan beraksi menentang Pasukan Shah United pada 28 April ini.



AKSI salah seorang pemain Pasukan Arbisyam FC semasa menentang MS ABDB pada perlawanan Liga Futsal Brunei 2017.

## NFT tewaskan Eagle Blues 7 - 4



PEMAIN Pasukan Eagle Blues melepaskan rembatan sambil cuba dikawal oleh dua pemain Pasukan Pembangunan Kebangsaan (NFT) pada saingan Liga Futsal Brunei 2017.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-izzati Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 April. - Pasukan Pembangunan Kebangsaan (NFT) berjaya menewaskan Pasukan Eagle Blues dalam Perlawanan Liga Futsal Brunei 2017 (BLF2017) dengan jaringan 7 - 4.

Perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini malam tadi menyaksikan NFT mendahului 3 - 1 pada separuh masa pertama menerusi

dua jaringan dari pemain jersi 9, Awang Abd. Azim bin Bollhassan pada minit ke-4 dan ke-5 serta satu jaringan daripada pemain jersi 6, Awang Muhammad Yusran bin Mazlan, manakala Awang Mohamad Kamirol Fikri Ali mengutip mata pertama bagi Eagle Blues pada minit ke ke-22.

Sementara itu, pada separuh masa kedua pula NFT mempamerkan permainan hebat dengan menambah lagi empat jaringan melalui pemain

Awang Abd. Azim bin Bollhassan pada minit ke-33 dan ke-43; Awang Muhammad Yusran bin Mazlan pada minit ke-37 dan pemain jersi 8, Awang Mohammad Fardi Farhan Affendi pada minit ke-44.

Manakala, Eagle Blues memperolehi jaringan melalui pemain jersi 9, Awang Abdul Malik Yunus pada minit ke-27 dan Awang Mohamad Kamirol Fikri Ali pada minit ke-44 serta satu jaringan *own goal* dari pasukan lawan.

BFL 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) ini akan berlangsung hingga bulan Mei depan.

# Piala Sumbangsih DST milik MS ABDB

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PENOLONG Pengurus Am, Bahagian Perkhidmatan IT, DST, Awang Amir bin Pehin Datu Pekerma Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Hussin semasa menyampaikan Piala Rebutan Piala Sumbangsih Brunei DST 2017 kepada Pengurus Pasukan MS ABDB, Mejar (Udara) Hasnul Alwie bin Haji Matassan dan Ketua Pasukan MS ABDB, Sarjan Md. Haizul Rani bin Metussin.

BERAKAS, Rabu, 19 April. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Kelab Sukan Indera (Indera SC) sekali lagi berentap dalam merebut Piala Sumbangsih DST yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kedua-dua pasukan masing-masing berhasrat untuk memenangi Piala Sumbangsih DST pada Penutup Tirai Liga Super DST 2017.

MS ABDB berjaya mengekalkan gelaran juaranya setelah berjaya menewaskan Indera SC dengan jaringan 2 - 1 dalam perlawanan penutup tersebut.

Pada separuh masa pertama, Indera SC meraikan jaringan pertamanya yang hadir pada minit ke-18 menerusi sepakan penalti yang dilakukan oleh pemain Indera SC, Awang Md. Asri bin Haji Aspar.

Walau bagaimanapun MS ABDB terpaksa melalui beberapa detik mendebarkan dan mencemaskan dengan serangan bertali arus Indera SC sebelum MS ABDB berjaya menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-63 menerusi sepakan pemain MS ABDB, Sld. Razimie bin Ramlli.

MS ABDB berjaya membolos gawang lawan dengan gol kemenangan yang juga dihasilkan oleh Sld. Razimie bin Ramlli pada minit

ke-87.

Dengan kejayaan merangkul Piala Sumbangsih Brunei DST 2017, maka MS ABDB sudah merangkul tujuh piala sejak NFABD menganjurkan Musim Liga Bola Sepak Brunei pada 2013, iaitu Piala FA DST 2013; Piala Sumbangsih DST 2014; Piala FA DST 2015; Piala Liga Super DST 2015 dan Liga Super DST 2016.

Manakala daripada sejumlah sembilan piala yang menjadi rebutan dalam tempoh lima tahun Musim Liga Bola Sepak Brunei itu dianjurkan, Indera SC memenangi tiga daripadanya, iaitu Piala Liga Super DST 2013; Piala Liga Super DST 2014 dan Piala Sumbangsih DST 2015.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyempurnakan pengalangan pingat serta penyampaian cenderahati kepada kedua-dua pasukan ialah Penolong Pengurus Am, Bahagian Perkhidmatan IT, DST, Awang Amir bin Pehin Datu Pekerma

Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Hussin.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Menerima Piala Rebutan Piala Sumbangsih Brunei DST 2017 bagi pihak MS ABDB ialah Pengurus Pasukan MS ABDB, Mejar (Udara) Awang Hasnul Alwie bin Haji Matassan dan Ketua Pasukan MS ABDB, Sarjan Awang Md. Haizul Rani bin Metussin.

Juga hadir menyaksikan perlawanan sengit itu ialah Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Mohd. Yusof; Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz; Penolong Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pengarah Pertandingan NFABD; EXCO dan Pegawai NFABD serta pegawai dari DST.



AKSI kedua-dua pasukan pada Perlawanan Akhir Piala Liga Sumbangsih DST 2017 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

## Tabuan 'A' berpesta gol 4 - 0



PASUKAN Tabuan 'A' bergambar ramai sejeurus sebelum perlawanan berlangsung di Liga Remaja Bawah 16 Tahun (B-16) Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) menentang Pasukan Parma FC.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 April. - Pasukan Tabuan 'A' sekali lagi berpesta gol setelah membelasah Pasukan Parma FC dengan 4 - 0 di Liga Remaja Bawah 16 Tahun (B-16) Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang berlangsung di Padang NFABD, di sini.

Pemain pasukan Tabuan 'A', berjersi 13, Awang Ishra Aqimin beraksi

cemerlang setelah menjaringkan gol pertama pada minit ke-35, separuh masa kedua.

Perlawanan terus didominasi oleh pemain Pasukan Tabuan 'A' di bawah bimbingan jurulatih, Stephen Ng.

Pada minit ke-44, sekali lagi pertahanan Pasukan Parma FC berjaya dibolosi menerusi serangan balas yang pantas dari pemain pasukan Tabuan 'A', Awang Aminuddin Haji Masri

yang kemudiannya terus beraksi cemerlang apabila menjaringkan gol kedua dan ketiga beliau pada minit ke-57 dan minit ke-58 menambahkan lagi penderitaan yang ditanggung oleh Pasukan Parma FC.

Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFAB bertujuan bagi memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada jurulatih-jurulatih pasukan di bawah 16 tahun, di samping memberikan peluang kepada para pemain untuk menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran dalam kejohanan dan menyerapkan budaya fair play dalam permainan.

## Tahukah Awda

MAJLIS Ugama Islam adalah sebuah penubuhan yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kuasa undang-undang di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam ialah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Ugama dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 38 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

SUMBER: 50 Tahun Dalam Ristaan Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (1959 - 2009), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 2012.



ePaper  
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelita-brunei.gov.bn](http://www.pelita-brunei.gov.bn)

BUDAYAKAN TABIAT TIDAK MEROKOK SEBAGAI AMALAN CARA HIDUP SIHAT

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.